



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG MUKIM CHAAH SEGAMAT  
ENCIK ROHMAT SUMATOR, ENCIK RAZALI SALLEH, PUAN FADILON ABU BAKAR  
TENTANG SEJARAH DAN KEUNIKAN MUKIM CHAAH**

**DISEDIAKAN OLEH:**

<b>ABDUL HARITH BIN ISMAIL</b>	<b>(2012306287)</b>
<b>NADIRAH BINTI MD ISA</b>	<b>(2012189453)</b>
<b>UMMI FATIHAH BINTI MOHD. YUNUS</b>	<b>(2012598675)</b>
<b>NADIA BINTI BAHARIN</b>	<b>(2012148267)</b>

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, KAMPUS SEGAMAT, JOHOR  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604- DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 5 - (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**Transkrip Temubual Bersama Penduduk Kampung Mukim Chaah Segamat  
Encik Rohmat Sumator, Encik Razali Salleh, Puan Fadilon Abu Bakar Tentang Sejarah dan  
Keunikan Mukim Chaah**

**Disediakan Oleh:**

<b>Abdul Harith Bin Ismail</b>	(2012306287)
<b>Nadirah Binti Md Isa</b>	(2012189453)
<b>Ummi Fatihah Binti Mohd. Yunus</b>	(2012598675)
<b>Nadia Binti Baharin</b>	(2012148267)

**Projek Dimajukan Kepada  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi Mara, Kampus Segamat, Johor  
Bagi Memenuhi Keperluan Kursus  
IMR 604- Dokumentasi Sejarah Lisan**

**Semester 5 - (Mac 2014 – Julai 2014)**

## **ISI KANDUNGAN**

Penghargaan

Abstrak

Pengenalan..... 1

Transkrip..... 6

Log wawancara..... 57

Biodata Tokoh..... 82

Senarai soalan wawancara..... 85

Senarai rujukan..... 90

Singkatan..... 91

Lampiran..... 92

Indeks..... 95

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.r.t

Syukur kami ke hadrat Illahi kerana memberi kami seribu kekuatan dan ketabahan bagi menyiapkan tugasan yang telah diberikan ini dengan sempurna setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan bagi menyempurnakan tugasan ini bagi subjek IMR 604- Dokumentasi Sejarah Lisan. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Razali Bin Salleh, Puan Fadilon Binti Abu Bakar, dan Encik Rohmat Sumator kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang temuramah mengenai tugasan yang kami jalankan.

Selain daripada itu juga, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami Encik Mohd Zul-Azmi bin Ishak kerana sabar dalam member tunjuk ajar dan panduan kepada kami bagi menyiapkan tugasan yang diberikan ini dengan sempurna.


Di samping itu juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan kawan-kawan yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan dan dorongan bagi membantu kami menyiapkan tugasan ini dengan sempurna. Jasa dan kerjasama dari kalian amat kami hargai, sesungguhnya hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

## PENGENALAN

### SEGAMAT

Segamat merupakan daerah paling utara yang terletak di negeri Johor. Ia bersempadan dengan dua buah negeri lain iaitu utara Negeri Sembilan dan timur Pahang.



Gambar 1: Peta Segamat

Bandar Segamat merupakan pusat bandar utama daerah ini. Johor, Segamat terletak dalam kategori kedua iaitu Pusat Wilayah Tahap II. Bandar kedua terbesar di Daerah Segamat adalah Bandar Labis yang berada di kategori ke empat hierarki pusat petempatan seluruh negeri. Daerah Segamat merupakan daerah yang mempunyai tahap kemajuan yang sederhana berbanding dengan daerah-daerah di Wilayah Johor Barat. Ia mempunyai kepentingan tersendiri kerana menjadi penyambung ke Pantai Timur melalui Lebuhraya Kuantan - Segamat. (Lebuhraya Tun Abdul Razak) dan juga sebagai laluan utama kenderaan ke selatan negara. Secara tidak langsung ini memberikan gambaran yang positif terhadap potensi pembangunan daerah ini.



Gambar 2: Maklumat mengenai Segamat

Nama Segamat dipercayai berasal daripada gabungan dua perkataan Melayu berikut - Segar-Amat. Terletak di antara Kuala Lumpur dan Singapura, Segamat merupakan daerah dimana sektor pertanian berkembang dengan pesat seperti kelapa sawit dan getah yang kebanyakannya ditanam di estet-estet dan di tanah rancangan FELDA serta FELCRA. Segamat terkenal dengan buah-buahan terutamanya durian. Sebagai tarikan pelancong, slogan baru telah diperkenalkan iaitu 'Selamat Datang ke Segamat – Tanah Raja Buah-buahan'.

## MUKIM CHAAH



**Gambar 3: Chaah**

Mukim Chaah merupakan salah sebuah mukim yang terdapat dalam negara Johor, dan juga merupakan satu dari mukim yang terletak dalam pentadbiran Daerah Segamat. Chaah adalah pekan paling selatan dalam daerah Segamat, Johor. Jarak antara Bandar Segamat ke Chaah ini mengambil masa 1 jam dan lebih kurang 38 km. Walaupun Chaah ini hanya sebuah pekan yang kecil tetapi ianya mempunyai sejarah yang tersendiri selain mempunyai tempat-tempat yang menarik seperti "Darling Walk" dan padang golf.

Majoriti penduduk di sini ialah kaum Cina selebihnya adalah Melayu dan India. Terdapat juga penduduk yang terdiri daripada golongan orang Asli yang merupakan penduduk asal mukim Chaah. Walaupun mereka kini telah berpindah ke Bekok tetapi mereka antara golongan yang bertanggungjawab dalam membangunkan pekan Chaah ini. Berdasarkan sejarah, Mukim Chaah ini terkenal dengan ladang kelapa sawit. Ladang Johor Labis merupakan ladang yang pertama dibuka di Chaah ini. Hal ini menyebabkan kemasukkan buruh-buruh dari India dan Indonesia yang bekerja di ladang di Pekan Chaah. Bukan itu sahaja, Chaah juga pada masa

dahulu merupakan penempatan semula kaum Cina semasa berlakunya darurat. Kerajaan pada ketika itu telah membina rumah-rumah tersusun dari kawasan pendalaman dan hutan daripada diburu atau dipengaruhi anasir komunis yang telah menyerang Tanah Melayu.

Kehidupan penduduk di Chaah ini adalah bersederhana dan sara hidup mereka masih rendah. Hal ini kerana kebanyakkan penduduk di sini adalah daripada pekebun, peternak dan peladang. Bagi kaum Melayu, kebanyakkan mereka mengusahakan kebun dan menjaga ternakan seperti lembu dan ayam. Kaum cina pula lebih mendominasi dalam bidang perniagaan. Hal ini dapat dipastikan melalui jumlah peniaga dan pengusaha yang terdapat di Chaah manakala bagi kaum India pula masih menguruskan ladang dan ada juga yang membuka perniagaan di pekan Chaah. Walaubagaimanapun, sumber utama bagi penduduk di Chaah ialah ladang kelapa sawit. Kebanyakkan penduduk di Chaah masih mengusahakan ladang kelapa sawit dan menjadi pengimpor utama sumber itu untuk dijadikan minyak. Golongan muda pula ramai yang telah berpindah ke bandar untuk mencari pekerjaan yang setaraf dengan pendidikan yang mereka ada. Hal ini kerana sumber ekonomi di Chaah lebih kepada pertanian dan peternakan. Sumber pekerjaan di Mukim Chaah ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu bekerja sendiri dan penjawat awam. Bekerja sendiri ini seperti peladang, pekebun, peniaga dan peternak lebih kepada golongan yang telah lama menetap di Chaah ini manakala bagi golongan penjawat awam pula merupakan golongan yang bekerja sebagai guru, pegawai kesihatan dan polis yang berkhidmat untuk penduduk di Chaah.

Di Mukim Chaah ini terdapat banyak pekampungan yang menjadi penempatan penduduk. Pekampungan seperti Kampung Kangkar, Kampung Jawa, Kampung Melayu, Kampung Kangkar 2, Kampung Baru, Kampung Jawa Baru, Kampung Baru, Taman Chaah Baru, Taman Damai Jaya dan lain-lain. Kedudukan pekampungan ini semua berdekataan dengan pekan Chaah dan dalam keadaan tersusun. Hal ini juga boleh dikatakan tersusun kerana pekampungan ini mempunyai simbolik mereka tersendiri yang membawa maksud yang tersirat untuk penempatan mereka. Penempatan mereka juga berhampiran dengan jalan besar

yang berhubungan terus dengan jalan menuju ke Labis dan Segamat. Setiap nama pekampungan atau penempatan ni juga mempunyai sebab tersendiri seperti Desa Cari Jodoh yang telah menaikkan nama Chaah di Malaysia dan Kampung Kangkar yang dulunya dikenali "Tempat Mencari Makan".

Bagi kaum wanita pula, mereka juga bergiat aktif sebagai usahawan industri kecil dan penyejuk bekuan makanan. Walaupun mereka masih dalam permulaan, tetapi mereka menunjukkan minat yang mendalam industri ini. Kini, pelbagai jenis makanan mahupun kraftangan dapat mereka hasilkan dengan bantuan kerajaan tanpa menggunakan modal yang banyak. Selain itu, mereka juga menghadiri kursus yang telah disediakan dalam memastikan bahawa usaha yang mereka lakukan tidak hanya sekadar melepaskan batuk di tangga. Industri ini masih dilakukan dari rumah ke rumah tetapi sedikit sebanyak mampu membantu para wanita dalam menjana pendapatan sampingan.

Walaupun mukim Chaah tidak semaju mukim yang lain, tetapi mereka mampu mengekalkan keharmonian mereka. Setelah begitu lama Mukim Chaah ini dibuka, tetapi mereka masih mengekalkan ciri-ciri tradisional yang menjadi simbolik dan khazanah pada generasi muda pada masa hadapan.

# TRANSKRIP WAWANCARA

## TRANSKRIP WAWANCARA

### SEGMENT A

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai sejarah Chaah, ekonomi di Chaah dan sedikit keunikan yang terdapat di Chaah. Rakaman wawancara ini bersama dengan salah seorang ketua kampung mukim di Chaah. Beliau merupakan ketua kampung Chaah tiga (3) dan penduduk yang lama menetap di mukim Chaah ini. Beliau amat arif dan tahu mengenai asal usul kaum di mukim ini, keunikan yang terdapat di Chaah iaitu tarian Kuda Kepang serta tahu mengenai Ladang Johor-Labis. Beliau juga merupakan Pengerusi JKKK Kampung Kangkar di Chaah. Encik Rahmat [Rohmat] (bunyi kereta) telah menetap di Chaah selama lima puluh empat (54) tahun. Rakaman ini telah dikendalikan di Restoran Seafood Chaah, pada dua belas (12) jun dua ribu empat belas (2014) jam sepuluh (10) malam. Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya, Abdul Harith bin Ismail dan sahabat saya Nadirah binti Md Isa. Dengan ini saya memulakan (bunyi kereta) wawancara tersebut.

**Abdul Harith Ismail: (diam sebentar) Bismillahirrahmanirrahim soalan yang pertama,  
Siapakah pengasas pertama Chaah?**

Rohmat Sumator: (diam sebentar) Pengasas pertama Chaah adalah Tuan Haji Yunus (bunyi motor).

**AH: Ok [Okay]. Bilakah Chaah mula dibangunkan?**

RS: Chaah mula dibangunkan pada tahun sembilan belas lima puluh dua (1952).

**AH: Soalan yang ketiga, Bagaimanakah nama Chaah diadaptasi sebagai nama sebuah tempat ?**

RS: Berhubung dengan nama Chaah ini adalah dengan pertemuan antara tiga sungai yang diadaptasikan kepada bahasa melayu diantara cina iaitu Chaah. Chaah ini adalah satu nama yang di ubah suai daripada bahasa cina ke bahasa melayu, kalau bahasa cinanya tempat cari makan (bunyi motor, orang bercakap).

**AH: Rakaman disambung semula.**

**AH: Soalan seterusnya (orang bercakap) Adakah terdapat cerita Lagenda sejarah nama Chaah?**

RS: Ya, (orang bercakap) berkenaan dengan sejarah cerita Chaah ini adalah bermula daripada seorang gadis asli yang bernama Che Ah - dia adalah diantara gadis asli yang tercantik di kawasan Bekok yang berhijrah ke Chaah. Dalam kecantikan tersebut, terdapat dua orang Panglima asli yang berebut (bunyi lori) kasih kepada gadis asli tersebut dan seterusnya mereka berperang dan berbunuhan diantara kedua-dua Panglima. Dan cerita tersebut benar-benar berlaku (bunyi lori) dan terputuslah salah seorang Panglima tersebut dari arah pinggang, maka Panglima yang gagah berani itu telah membalingkan tubuh badan separuh daripada pinggang ke seberang sungai dan yang pinggang ke bawah ke seberang sini. Di situ adalah terletaknya Lagenda pertemuan antara dua sungai iaitu Sungai Bekok dan Sungai Chaah. Seterusnya bermulalah daripada sejarah itu (orang bercakap) bermulalah satu penemuan nama antara gabungan cina dan asli dan diadaptasikan sebagai nama Chaah untuk memudahkan sebutan di antara bahasa Jawa,Bugis dan Cina ketika itu.

**AH: Seterusnya, (bunyi lori) Bolehkah Encik senaraikan nama-nama kampung yang terdapat di Chaah?**

RS: Ya. Nama-nama kampung yang terdapat di Chaah, nama kampung yang pertama sekali wujud adalah Kampung Melayu Chaah yang kedua adalah Kampung Jawa Chaah yang ketiga Kampung Kangkar Chaah yang keempat Kampung Sungai Lenik Chaah yang ke – lima Kampung Seri Gajah. Kampung Seri Gajah adalah kampung yang mempunyai dua nama iaitu yang satu satu lagi adalah Kampung pemindahan banjir. Seterusnya Kampung Jawa Baru, seterusnya Kampung Desa Temu Jodoh iaitu sebuah Felcra penempatan anak-anak muda di situ yang dikumpulkan oleh Menteri Besar Johor ketika itu yang bernama (orang bercakap) - - - Hasil perjuangan dan kerjasama daripada Menteri Besar Johor yang dahulu iaitu Tuan Haji Osman bin Saad dan wujudlah Felcra ketika itu yang dianggotai oleh semua anak-anak muda seluruh Johor yang dikumpulkan di kawasan tersebut dan seterusnya mereka melakukan aturcara kahwin beramai-ramai di Desa Temu Jodoh dan dirasmikan. Dan pada ketika itu Menteri Besar telah melancarkan nama dan memberikan nama sebagai nama Desa Temu Jodoh. Dan sekarang ini (orang bercakap) Alhamdulillah Desa Temu Jodoh juga telah mendapat sebuah masjid (bunyi motor) yang ditaja oleh Jakel, perniagaan keluarga Jakel daripada Segamat.

**AH: (orang bercakap) Seterusnya, Bolehkah Encik jelaskan sedikit nama-nama sejarah kampung (bunyi motor) di Chaah?**

RS: (Bunyi motor) Nama-nama sejarah kampung di Chaah, pada mulanya adalah hasil daripada kebijaksanaan Tuan Haji Penghulu Haji Yunus (bunyi motor dan orang bercakap). Di ketika itu, Ladang Soffin cuba mengambil alih semua tanah-tanah di persekitaran Chaah untuk dijadikan Estate. Tapi dengan kebijaksanaan beliau, ketika itu beliau mencuri sedikit kawasan untuk dijadikan pusat sementara (bunyi motor) penempatan iaitu di Kampung Melayu Chaah. Dan ketika itu, (bunyi motor) ketika berperang (bunyi orang bercakap) jadi itulah dijadikan tempat berkumpulnya orang-orang ataupun masyarakat (bunyi lori) orang Mukim Chaah berkumpul (bunyi lori) pada ketika itu. (bunyi orang bercakap) Kita menceritakan semula sejarah bagaimana wujudnya kampung-kampung yang wujud di Mukim Chaah. Seterusnya kita akan menceritakan kisah kampung Jawa. Ia pun hasil perjuangan hebat kekuatan ketika itu Tok Penghulu Yunus. Pada ketika itu kampung Jawa dihuni oleh semua orang-orang Jawa. Dan untuk memudahkan sebutan ketika itu maka diberilah nama Kampung Jawa. Dan seterusnya Kampung Kangkar, Kampung Kangkar adalah sebuah kampung yang terpisah antara laluan utara dan selatan. Kampung Kangkar ini terbahagi kepada dua iaitu Kampung Kangkar satu (1) dan Kampung Kangkar dua (2). Sejarah Kampung Kangkar satu (1) bermulanya ketika itu adalah sebuah sawah padi yang diusahakan oleh orang-orang yang berasal dari Kampung Jawa sebelum menetap di Kampung Kangkar dan situ di situlah juga (orang bercakap, bunyi motor) wujudnya nasi kawah yang diberi oleh kerajaan ketika peperangan dunia yang kedua. (bunyi motor) Dan Kampung Kangkar dua (2) juga ada kelebihan tersendiri. Di Kampung Kangkar dua (2) terdapat cabang sungai yang sejarahnya saya ceritakan tadi yang disitu jugalah terwujudnya pengkalan air di ketika itu. Dan sekarang ini masih wujud lagi kawasan-kawasan sejarah tersebut sehingga ke hari ini. Kampung Sungai Lenik juga tidak tertinggal daripada kawasan sejarah yang mana (orang bercakap ketika itu orang-orang melayu mula meneroka kebun di kawasan Sungai Lenik untuk dijadikan kebun getah dan (orang bercakap) bertanam padi. Begitu juga Kampung Seri Gajah ketika itu (orang bercakap) ketika diwujudkan adalah pusat pemindahan banjir yang diwujudkan oleh

Menteri Besar Johor (bunyi motor) untuk memindahkan orang, masyarakat di kawasan Batu Pahat khususnya di Parit Yani yang ketika itu dilanda banjir yang mana kesan kebanjiran tersebut (bunyi kereta) sehingga menjangkau ke enam (6) bulan. Oleh yang demikian, masyarakat yang berdekatan dengan Chaah dipindahkan ke Kampung Seri Gajah. Ketika itu diberi nama Kampung pemindahan banjir. Dan bagaimana pula Kampung Seri Gajah ini wujud dengan nama Seri Gajah juga adalah di ketika itu kampung tersebut, tanaman-tanaman orang kampung tersebut diserang oleh gajah-gajah yang liar, yang begitu banyak, yang sentiasa mencari makan di kawasan tersebut dan (bunyi motor) membina sakan tanaman-tanaman kampung tersebut. Dengan itu, (bunyi kereta) kampung itu dijadikanlah diberi nama Kampung Seri Gajah. (bunyi lori)

**AH: Rakaman berhenti seketika.**

**AH: Rakaman di sambung semula. Adakah Chaah dibuka disebabkan faktor penghijrahan penduduk atau kedatangan kaum lain dari negara lain?**

RS: Bermulanya pembukaan Chaah (bunyi orang masak) adalah daripada kesan pelabur asing daripada Perancis iaitu Sofin - - - iaitu pelabur pertama terbesar dalam Negeri Johor yang melabur ke [di] Negeri-negeri [Negeri] Johor dengan tanaman kelapa sawit dan getah (berfikir) dengan keluasan 49 ribu ekar [hektar] ketika itu dan dengan dengan wujudnya ladang yang seluas itu maka tenaga kerja harus wujud. Dengan itu\_\_\_\_ pihak syarikat telah mengambil pekerja daripada luar dan daripada dalam untuk bekerja di ladang tersebut.\_\_\_\_ Ada di antaranya daripada Pahang, daripada Indonesia dan daripada berbagai-bagai daerah.\_\_\_\_ (bunyi orang bercakap) termasuklah daripada India untuk dijadikan tenaga kerja di ladang tersebut (bunyi motorsikal). Dan bermulah era penghijrahan aa kaum\_\_\_\_ ke, di kawasan Chaah iaitu kaum Melayu, India, Cina, Benggali, Pakistan dan Malbari. Tapi dengan kehadiran masyarakat tersebut, kaum Melayu adalah kaum yang terbesar berhijrah ke Mukim Chaah, kedua India, ketiga

Cina, sedikit aaaa kaum iaitu Benggali dan Paskitan dan Malbari hanya sebilangan kecil saja.

**AH: (Bunyi lori) Encik telah nyatakan beberapa kaum, Adakah terdapat suku atau puak dalam setiap kaum tersebut, Nyatakan? (bunyi motor)**

RS: Di Chaah ini, memnag terdapat banyak kaum dan di dalam kaum tersebut juga (orang bercakap) ada puak-puak contohnya seperti melayu, di situ juga ada seperti puak tersebut Banja, Bugis, Mandailing, Jawa dan (orang bercakap) melayu (Ekhemm) melayu asli. Begitu juga dengan kaum India, ada juga disebut (bunyi lori) dalam kaum India itu ada juga puak (bunyi kereta) daripada kasta-kasta (bunyi lori) yang kita sebut Tamil, Hindu Tulen, Paria, Malialam dan sedikit puak-puak yang kita tidak dapat kenalpasti. Begitu juga dengan cina,(bunyi motor) di Di Chaah ini, cina ada beberapa puak yang kita sebut seperti (orang bercakap) Hailam, Hakka, (orang bercakap) Tiochu, Hokkien, Kungfu, Hoppo dan ada lagi etnik yang kumpulan-kumpulan kecil yang tidak dapat kita kenalpasti kalau di Chaah ini yang sebagaimana saya tahu.

**AH: Bagaimanakah pekerjaan kaum di Chaah di suatu ketika dahulu ?**

RS: (orang bercakap) Ketika itu semua kaum Chaah bekerja di Ladang. Di estate tersebut dan kebanyakan daripada mereka bekerja di Ladang sebagai tenaga pekerja ladang.

**AH: Adakah kaum-kaum ini mempunyai kepakaran dan keutamaan dalam sesautu bidang?**

RS: (orang bercakap) Mengikut kaum tersebut, kaum cina mempunyai kepakaran dalam perniagaan (bunyi motor), kaum India mempunyai kepakaran dalam kerja-kerja di ladang iaitu estate dan kaum melayu juga mempunyai kepakaran berladang, bertani dan bersawah padi.

**AH: (orang bercakap) Adakah pekerjaan mereka dahlu dan sekarang sama atau berbeza mengikut perubahan semasa?**

RS: (orang bercakap) Pekerjaan di ketika dahulu dan sekarang sangat jauh berbeza iaitu (orang bercakap) kebanyakkan warga Chaah yang ada hari ini kebanyakannya telah keluar daripada Mukim Chaah dan ada diantaranya telah menjawat jawatan tertinggi dalam kerajaan dalam pelbagai sektor. Dan kebanyakkan pekerjaan tersebut tidak diwarisi oleh anak-anak tersebut cuma sebilangan kecil sahaja yang masih mewarisi kerja-kerja kampung tetapi tidak di kawasan perladangan estate (orang bercakap, bunyi suara budak).

**Nadirah Md Isa: Rakaman saya Nadirah Binti Md Isa bersama Encik Rohmat Bin Sumator disambung semula.**

**NMD: (bunyi orang bercakap) Bolehkah Encik senaraikan nama-nama penghulu yang telah dilantik dan menjaga Mukim ini?**

RS: Ya. Penghulu-penghulu tersebut ialah Tuan Haji Yunus, Tok Penghulu Harun, Penghulu Masduki Bin Jarkasi, Penghulu Rasul, Penghulu Ibrahim, Penghulu Rasul semula, Tok Penghulu Mat Noh Bin Sangat, Tok Penghulu Salleh Bin Abdul Rahman.

**NMD: Bagaimanakah proses pelantikan penghulu ini berlaku?**

RS: Di ketika dahulu, perlantikan penghulu iaitu Tuan Haji Yunus dan Penghulu Harun. Mereka mengadakan pilihanraya kecil Mukim Chaah untuk melantik seorang penghulu. Dan ketika ini, penghulu pula dilantik oleh pejabat kerajaan iaitu penghulu mestilah di kalangan orang - - - orang-orang penjabatan kerajaan.

**NMD: Apakah perbezaan penghulu dahulu dan penghulu sekarang dilantik?**

RS: Perbezaannya adalah- penghulu dahulu dilantik secara pilihanraya dan penghulu sekarang dilantik secara (berfikir) pemilihan daripada Pejabat Daerah dan akan diambil dalam kalangan penjawat kerajaan juga.

**NMD: (Pertukaran mic telefon) Kami dapati penghulu dahulu bukanlah daripada kalangan Melayu di sini. Bolehkah (Encik Sumator angguk) Encik terangkan sedikit dengan penyataan ini.**

RS: Pelantikan penghulu ketika itu bukan di kalangan Melayu oleh kerana keseluruhan yang datang berhijrah ke Chaah adalah golongan Melayu yang berhijrah ke Chaah (ayat berulang) iaitu dengan berbilang kaum. (Tergagap) Kaum-kaum tersebut ialah Melayu, Mendeleng, Jawa, Bugis dan berbagai-bagai lagi kerana mereka tersebut adalah datang ke Chaah sebagai pekerja di ladang.

**NMD: Pernahkah Chaah terdapat markas tentera atau sebagai tempat kubu pertahanan?**

RS: Chaah (berfikir) Chaah pernah wujud aaa pangkalan tentera di Mukim Chaah dan terdapat juga sebuah landasan kapal terbang di kawasan Mukim Chaah.

**NMD: Sebentar tadi, Encik ada menerangkan sedikit mengenai Ladang Johor-Labis. Bolehkah Encik jelaskan lebih terperinci mengenai Ladang Johor-Labis. (bunyi kenderaan)**

RS: Lad - - - wujudnya Ladang Johor-Labis ialah kesan pelabur asing yang datang ke Negeri Johor iaitu pelabur pertama terbesar di Negeri Johor yang mana dengan pelabur - - - pelaburan tersebut, bagi menjana ekonomi penduduk Mukim Chaa - - - kat [dekat] Negeri Johor dan menyambah [menambah] pendapatan negara.

**NMD: Siapakah yang bertanggungjawab dengan Ladang Johor-Labis suatu ketika dahulu?**

RS: Mereka yang bertanggungjawab ke atas Ladang Johor-Labis ketika itu ialah Tuan Haji Yunus.

**NMD: Soalan seterusnya, adakah nisbah penduduk di sini sama rata atau terdapat majoriti?**

RS: Nisbah penduduk di kawasan Mukim Chaah adalah lima puluh peratus (50%) Cina [kaum Cina], empat puluh peratus (40%) Melayu [kaum Melayu], dan sepuluh peratus (10%) india [Kaum India] dan (berfikir) lain-lain bangsa.

**NMD: Bagaimanakah Chaah dibangunkan sebagai satu Mukim?**

RS: Mengikut peraturan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Johor bahawa setiap (berfikir) pekan yang mempunyai kampung, maka layaklah dia dijadikan sebuah mukim.

**NMD: Adakah Mukim Chaah pernah menjadi sebuah mukim yang sangat penting dalam Negeri Johor?**

RS: Ya. Mukim Chaah adalah sebuah mukim yang sangat penting dalam Negeri Johor kerana Mukim Chaah adalah laluan utama utara ke selatan. [Ya. Mukim Chaah ialah sebuah mukim yang sangat penting di Negeri Johor kerana mukim ini merupakan laluan utama utara melintasi ke selatan bagi kenderaan.]

**NMD: Bolehkah Encik menerangkan sedikit berapa mukim yang terdapat di (berfikir) Chaah?**

RS: Di kawasan Chaah ada di bawah pentadbiran Daerah Kecil Labis yang mana Mukim Chaah terdapat 3 Mukim iaitu Mukim Chaah Satu (1), Mukim Chaah Dua (2) dan Mukim Chaah Tiga (3). Yang mana pentadbiran Chaah Satu (1) adalah kawasan Kampung Melayu, Kampung Jawa Baru, Kampung Jawa, Kampung Cina dan taman-taman persekitaran [persekitarannya]. - - - Begitu juga, (berfikir) Mukim Chaah Dua (2), yang mana melibatkan Desa Temu Jodoh [Kampung Desa Temu Jodoh], Kampung Haji Munasir, Sungai Gerchang Satu (1), Sungai Gerchang Dua (2) dan perumahan awam Chaah. Dan Mukim Chaah Tiga (3), kampung induknya ialah Kampung Kangkar Satu (1), Kampung Kangkar Dua (2), Kampung Sungai Lenek, Kampung Sri Gajah dan taman-taman di persekitarannya[persekitarannya].

**NMD: Apakah ekonomi utama bagi penduduk Kampung Kangkar? Terangkan.**

RS: Ekonomi utama penduduk Kampung Kangkar ialah berkebun, berladang, dan bertani termasuklah berternak aaaa... secara kecil-kecilan. Di Kampung Kangkar Dua (2) juga terletak, terletak sebuah (bunyi motorsikal) aaaa pusat perintis ternakan lembu untuk penduduk kampung Kangkar.

**NMD: Selain terdapat jenis ternakan aaaa lembu bagi penduduk Kampung Kangkar , adakah terdapat juga ternakan binatang lain selain lembu?**

RS: Selain dari ternakan lembu terdapat juga ternakan ayam kampung,(berfikir) kambing dan itik. Begitu juga aaa sampingan ekonomi di kampung Kangkar terdapat dua bengkel baiki kereta (berfikir) dan mengecat yang wujud kawasan [di kawasan] Kampung Kangkar.

**NMD: - Rakaman berhenti seketika.**

**NMD: Rakaman disambung semula.**

**NMD: Encik merupakan ketua kampung bagi Mukim Chaah Tiga (3) yang terdiri salah satunya Kampung Kangkar, bolehkah Encik terangkan sedikit aktiviti kemasyarakatan yang telah dijalankan di dalam kampung tersebut?**

RS: Aktiviti kemasyarakatan yang wujud di Kampung Kangkar ialah bacaan Yassin setiap malam Jumaat, -tarian kuda kepang,- sukan badminton,- takkraw, silat,- tarian poco-poco,---

**NMD: Adakah Kampung Kangkar pernah menyertai sebarang aktiviti atau pertandingan?**

RS: Kampung Kangkar setelah [pernah] menyertai pertandingan surau di peringkat Daerah dan di peringkat Negeri iaitu [dan] surau Kampung Kangkar menjuarai [di] peringkat Daerah Segamat dan saguhati di peringkat Negeri Johor. Begitu juga dengan edisi (orang gelak) yang telah disertai oleh Kampung Kangkar iaitu yang mana Johan ketika itu adalah Kampung Kangkar dan saguhati di peringkat Negeri (bunyi kenderaan).

**NMD: Sebentar tadi Encik ada menerangkan sedikit mengenai kuda kepang, bagaimanakah terwujudnya kuda kepang di Kampung Kangkar. Bolehkah Encik terangkan sedikit?**

RS: Wujudnya persatuan Kuda Kepang di Kampung Kangkar bagaimana [sebagaimana] yang ada ketika ini adalah beri - - - berikutan daripada kaum yang wujud Kampung Kangkar di di Mukim Chaah adalah majoritinya Jawa. Oleh hal yang demikian, Kuda Kepang adalah tradisi [satu tradisi] yang dibawa oleh orang Jawa dari Tanah Jawa iaitu Indonesia. Oleh hal yang demikian, pada dahulu kala Kuda Kepang wujud telah wujud di Kampung Jawa, Chaah oleh kerana masyarakat ketika ini sudah hampir hilang kebudayaan, maka Kampung Kangkar cuba mewujudkan tarian Kuda Kepang yang

diasaskan oleh Tuan Yunus ketika itu dan sebagaimana yang kita tahu bahawa Kuda Kepang itu adalah memang daripada Tanah Jawa yang dimiliki penuh oleh anak-anak Jawa dan dengan yang demikian kita cuba menghidupkan [membangunkan] persatuan anak-anak Jawa dengan mewujudkan persatuan kuda kepang.

**NMD: Adakah penduduk menghasilkan kelengkapan kebudayaan tersebut atau hanya mempelajarinya?**

RS: Kelengkapan aaa peralatan kuda kepang penduduk kampung men men mencipta sendiri dan mempelajari tarian tersebut daripada Encik Yunus yang berpengalaman dalam tarian kuda kepang.

**NMD: Bagaimanakah reaksi minat golongan muda terhadap tradisional kebudayaan tersebut?**

RS: Reaksi anak-anak muda ketika ini memberangsangkan dengan program tersebut.

**NMD: Bilakah aktiviti kuda kepang ini selalu dipersembahkan?**

RS: Aktiviti kuda kepang tersebut dipersembahkan aaa ketika majlis perarakan pengantin ataupun majlis perkahwinan dan ada juga [di] jemputan rasmi daripada badan-badan [organisasi] tertentu yang ingin menyaksikan tarian kuda kepang tersebut dan untuk makluman, bahawa tarian kuda kepang tersebut sedang dalam ubahsuai [dalam pengubahsuaian] untuk dijadikan [sebagai] tarian tradisi anak-anak Jawa di Negeri Johor.

**NMD: Pada aaa Encik boleh terangkan sedikit aaa adakah kuda kepang ini menjadi satu pendapatan tambahan kepada Kampung Kangkar?**

RS: Tujuan utama mewujudkan tarian kuda kepang adalah untuk menyatupadukan masyarakat ketika ini dan dengan cara tersebut kita akan mendapat banyak kemudahan untuk membimbing mereka-mereka [mereka] ke arah yang diperlukan oleh pihak kerajaan yang telah disarankan oleh kerajaan dan dengan nak wujudnya [terwujudnya] tersebut mereka boleh bertukar-tukar pendapat dan boleh menjana ekonomi dan menjatikan diri tersebut termasuklah dalam bidang-bidang lain, dan untuk (berfikir) hasil pendapatan tersebut daripada tarian kuda kepang adalah untuk dijadikan duit wang tabung untuk dijadikan aset bagi pentadbiran persatuan tersebut yang satu masa nanti akan dikembangkan kemungkinan dengan cara yang lebih baik dan teratur .

**NMD: Rakaman berhenti seketika.**

**NMD: Pernahkah Chaah mengalami bencana besar seperti banjir atau lain-lain? (bunyi orang bercakap, kenderaan)**

Rohamat Sumator: Mukim Chaah tidak ketinggalan daripada menerima bencana iaitu kawasan Kampung Kangkar dan sekitar mukim - - Chaah yang mana berlaku banjir besar ketika itu di penghujung tahun dua ribu lima (2005) hingga awal dua ribu enam (2006). Banjir tersebut berlaku dua kali [sebanyak dua kali] ketika itu. Banjir tersebut adalah disebabkan daripada taburan hujan yang terlalu banyak di ketika itu.

**NMD: Berapakah bilangan masjid dan surau yang terdapat di Chaah?**

RS: Bilangan masjid di Mukim Chaah ada dua (2) iaitu Masjid Pekan Chaah. Yang kedua Masjid Jakel yang berada di Desa Temu Jodoh [Kampung Desa Temu Jodoh], begitu juga dengan surau. Terdapat lima (5) buah surau, iaitu Surau India Muslim yang terdapat [terletak] di Pekan Chaah. Surau Kampung Kangkar, Surau Kampung Sungai Lenek, Surau Kampung Sri Gajah dan Surau Perumahan Awam Chaah (bunyi motorsikal).

**NMD: Apakah terdapat kemudahan yang - - - Apakah kemudahan yang terdapat di Chaah?**

RS: Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Mukim Chaah adalah [ialah] sebuah Balai Polis, sebuah klinik kerajaan, sebuah dewan Majlis Daerah Chaah [Dewan Serbaguna Mukim Chaah], sebuah padang bola, beberapa gerai Majlis Daerah, Sukarelawan Bomba, Sukarelawan – Rela, dan berbagai-bagai lagi kemudahan awam yang telah wujud di Kampung Kangkar [Mukim Chaah] yang tak [tidak] dapat saya sebutkan [senaraikan].

**NMD: Bolehkah Encik senaraikan atau menerangkan sedikit sebarang mercu tanda yang terdapat di Chaah atau di dalam kampung di dalam [di] Chaah?**

RS: Mercu tanda yang wujud di Mukim Chaah yang pertamanya adalah [ialah] nama trademark [simbol] yang telah terdapat [terkenal] di [dalam kalangan] seluruh Malaysia yang dikenali adalah [ialah] Desa Temu Jodoh [Kampung Desa Temu Jodoh]. Kampung Kangkar terkenal dengan tugu iaitu ‘mufakat [muafakat] membawa berkat’, manakala Mukim Chaah juga dikenali dengan Ladang Johor-Labis yang ketika ini telah bertukar

kepada Ladang Aji [Haji] Jaya sebagai pusat sumber ekonomi yang wujud di Mukim Chaah.

**NMD: Tamat wawancara pertama.**

## SEGMENT B

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai penduduk, purata kegiatan ekonomi dan tempat-tempat bersejarah di Chaah. Rakaman wawancara ini bersama setiausaha kepada penghulu kampung di Mukim Chaah ini. Beliau juga merupakan anak jati kelahiran Mukim Chaah. Beliau merupakan Yang diPertua Sekolah Kebangsaan Sri Bali dan Naib Yang diPertua Sekolah Menengah Kebangsaan Chaah. Selain itu, beliau merupakan seorang ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Chaah serta bergiat aktif dalam ahli Jawatankuasa Kampung Melayu di Chaah. Beliau yang menetap di Mukim Chaah ini selama lima puluh dua (52) tahun sangat arif dengan selok belok mukim ini. Beliau juga banyak mengetahui mengenai purata penduduk, kegiatan serta tempat-tempat yang bersejarah di Mukim Chaah ini. Bersama dengan kami kini Encik Razali bin Salleh yang telah dibesarkan di Mukim Chaah ini serta banyak menaburkan jasa dalam pembangunan dan kemajuan Mukim Chaah. Rakaman ini telah dikendalikan di rumah beliau di No enam (6), Jalan Datuk Seth, lapan lima empat kosong kosong (85400) Chaah, Segamat pada sembilan belas (19) Jun dua ribu empat belas (2014) jam lapan setengah (8.30) pagi. Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya Ummi Fatihah Binti Mohd Yunus dan sahabat saya, Nadirah Binti Md Isa. Dengan ini saya memulakan wawancara tersebut.

**Ummi Fatihah Mohd Yunus: Bolehkah Encik terangkan sedikit latarbelakang diri encik?**

Razali Salleh: (Bunyi kipas) Okay. Nama saya Razali Bin Salleh. Berasal daripada Chaah dan duduk (menetap) di Kampung Melayu aa saya berkerja sendiri dah [sudah] dekat - - - dah [sudah] ada isteri dan mempunyai dua orang anak.

**UFMY: Chaah merupakan satu perkataan yang unik dan mempunyai sejarah tersendiri. Adakah Chaah mempunyai juga simbol selain keunikan nama?**

RZS: Untuk (tergagap) makluman, Chaah adalah (tergagap) sebuah kampung yang telah pun diberi nama atas seorang penduduk asli yang bernama Che'ah dan kalau mengikut sejarah di Chaah ini aaa simbol yang unik hanya – Ladang Johor Labis lah yang dinamakan Ladang Kelapa Bali di Chaah.

**UFMY: Humm Bolehkah Encik Razali jelaskan sedikit populasi penduduk di Chaah?**

RZS: (Berfikir) Aaa (Bunyi orang batuk) Bagi – penduduk di Chaah ialah aa kalau mengikut purata majoriti adalah kaum-kaum Cina dan kaum Melayu adalah kaum yang kedua majoriti kaum di Chaah ini (ayam berkokok) dan yang lainnya ialah kaum India dan juga mungkin ada kaum-kaum lain datang ke Chaah ni [ini] atas dasar mencari (tergagap) pekerjaan mereka sebagai buruh-buruh ladang di kawasan Chaah.

**UFMY: Encik Razali, adakah terdapat kaum Asli di Mukim ini?**

RZS: Kalau (tergagap) mengikut sejarah, Chaah ini (berfikir) dulunya [dahulunya] memang (tergagap) ada kaum-kaum Asli tapi [tetapi] sekarang ni [ini] mereka sudah pun berhijrah keran Chaah ini adalah sebuah pekan yang mana agak telah dimajukan dan aaa kaum-kaum ini telah banyak berpindah ke kawasan Bekok iaitu dikawasan Kedung, Selai dan --- dan mereka mempunyai kawasan penempatan orang asli yang disediakan oleh kerajaan.

**UFMY: Bagaimanakah dengan penempatan kaum di Chaah?**

RZS: Penempatan kaum di Chaah ini kalau (tergagap) dilihat daripada segi kampung, kita ada beberapa kampung tradisi yang mana penduduknya aa majoritinya orang Melayu dan orang Jawa. Mereka di kampung Jawa, Kampung Jawa Baru, Kampung Kangkar, Kampung Sungai Lenit dan juga Kampung Seri Gajah dan ada beberapa kampung yang terletak di bawah pentadbiran majlis (tergagap) daerah Labis iaitu Kampung Melayu dan Kampung Jawa kerana kampung ni [ini] adalah kampung pembayar cukai (bunyi kereta dan ayam berkokok) selain daripada itu, kampung pendalaman yang mungkin wujud di Chaah ini adalah Kampung Baru di mana mereka adalah daripada pengusaha-pengusaha kebun-kebun kecil.

**UFMY: Apakah pengangkutan utama yang digunakan oleh penduduk di sini?**

RZS: (Bunyi kipas) Kalau (tergagap) mengikut mengikut kebiasaan pengangkutan utama yang digunakan oleh penduduk di Chaah ini kebanyakannya aa kalau pekerja-pekerja ladang mereka lebih selesa menggunakan kenderaan seperti motorsikal dan ada juga yang mempunyai kemampuan telahpun memiliki (tergagap) kenderaan seperti kereta dan selainnya mereka boleh dikatakan mengikuti pengedaran zaman yang mana golongan yang berbasikal adalah orang yang mempunyai (bunyi kipas angin) pendapatan agak mewah kerana berbasikal adalah sukan aa rekreasi untuk mereka di pekan Chaah.

**UFMY: Bolehkah Encik senaraikan kegiatan utama penduduk di sini?**

RZS: (Bunyi kipas) Kegiatan utama penduduk di Mukim Chaah ini adalah kebanyakkan mereka adalah pekebun- pekebun yang mana mereka sebagai penoreh getah dan juga – pemotong buah kelapa sawit dan ada juga mereka yang bekerja dengan pihak Peladang ACHI JAYA yang berhampiran dengan pekan Chaah ini dan mungkin beberapa peratus sahaja yang menjadi penjawat awam seperti guru-guru dan juga aa apa – aa pejabat kesihatan dan yang aa yang lain-lain ar [lah] yang melibatkan agensi kerajaan (Bunyi kipas).

**UFMY: Kami ingin tahu (mengetahui) serba sedikit purata kegiatan penduduk di sini?**

RZS: (Bunyi kipas) Kegiatan penduduk di Chaah ini tak [tidak] bezanya dengan penduduk-penduduk di Mukim lain kerana Chaah ni [ini] aa adalah penduduk berbilang kaum kerana mereka masing- masing mempunyai gaya kehidupan mereka sendirilah yang mana kegiatan mereka lebih kepada aa hidup - bermasyarakat dan —dan saling bantu-membantu.

**UFMY: Adakah sara hidup di Chaah tinggi atau bersederhana? Bolehkah Encik jelaskan sedikit.**

RZS: Mengikut purata penduduk-penduduk di Chaah yang mana berpendapatan sederhana adalah mereka mungkin yang mempunyai kebun-kebun kecil yang – mendapat hasil pulangan daripada hasil getah dan juga kelapa sawit dan ada juga sebilangannya menjadi peternak dan juga pekebun (tergagap) sayur, yang selalunya yang kalau dibandingkan pendapatan yang tinggi adalah jenis mereka yang menjawat

jawatan awam iaitu agensi-agensi kerajaan seperti guru, polis dan – dan sebagainya lah.

**UFMY: Bagaimakah dengan sara hidup golongan muda? Adakah mereka merantau atau melakukan kerja-kerja kampung?**

RZS: Bagi golongan-golongan muda yang berada di mukim Chaah ni [ini] kebanyakkan mereka telahpun merantau ke luar kerana melihat ke --- ekonomi di Chaah ni [ini] tidak begitu menggalakkan bagi mereka kerana kita tidak ada apa-apa industri yang yang besar ataupun pekerjaan yang setaraf dengan pendidikan yang (tergagap) mereka mereka perolehi kerana anak-anak muda di sekitar mukim ini mungkin tidak berminat dengan pekerjaan-pekerjaan seperti di ladang dan apa kerja-kerja buruh yang berada di sekitar dae mukim Chaah ini.

**UFMY: Kami ada terbaca di Mukim Chaah ini, terdapat penduduk yang berkerja sebagai penjawat awam dan ada juga yang bekerja sendiri di kampung. Bolehkah Encik Razali menanggarkan nisbah kerja sendiri dengan kerja penjawat awam?**

RZS: Bagi nisbah – pekerjaan penduduk di mukim Chaah ini kalau kita lihat peratus tujuh puluh (70) peratus daripada penduduk di Chaah ini adalah yang bekerja kebun dan bekerja sendiri dan mungkin tiga puluh (30) peratus yang bekerja sebagai penjawat awam kerana di pekan Chaah ini belum ada --- pusat-pusat pentadbiran kerajaan yang yang besar biasanya. (Bunyi kipas)

**UFMY: Chaah dibuka anggaran dari tahun sembilan belas lima puluh (1950) an. Pada zaman itu, apakah sumber pendapatan penduduk Chaah?**

RZS: Mengikut mengikut sejarah pembukaan pekan Chaah ini dari tahun lima puluh (50) an, penduduk-penduduk Chaah adalah mereka yang dibawa masuk sebagai pendatang yang bekerja sebagai buruh ladang iaitu ketika itu Ladang Johor Labis ini diberi nama — ketika itu ladang yang berhampiran ini diberi nama Ladang Johor Labis Estate (ladang) – dan mereka adalah kebanyakkan daripada buruh-buruh daripada Indonesia dan juga India yang telah dibawa masuk untuk bekerja di kawasan-kawasan ladang dan pendapatan penduduk kampung asli iaitu orang melayu ataupun orang-orang yang terdahulu berada di Chaah ini adalah bekerja seperti mencari rotan, mencari bahan-bahan (tergagap) kampung seperti selain daripada rotan juga(ayam berkокوك), bahan-bahan hutan lah yang boleh dijadikan sumber pendapatan pada ketika itu.

**UFMY: Pada zaman dahulu, adakah terdapat jalan perhubungan selain jalanraya? Ini kerana Chaah terdapat banyak sungai yang luas.**

RZS: Mengikut apa yang mungkin telah dimaklumkan kepada kami sebagai anak yang tinggal di Chaah ini, kalau mengikut sejarah (tergagap) perhubungan, perhubungan jalan-jalan di Chaah ini pada ketika itu mereka menggunakan perahu kerana sungai-sungai yang ada di Chaah ini boleh (tergagap) menjangkau sehingga Bandar Batu Pahat untuk mereka mendapatkan sumber-sumber ataupun dari bahan-bahan keperluan mereka pada ketika itu dan pada hari ini juga kita melihat yang mana sungai-sungai yang berada di Chaah ini ianya akan merintasi di antara tiga (3) daerah yang mungkin juga ianya menjadi perhubungan utama untuk mereka pada ketika itu.

**UFMY: Kami dapat di Mukim Chaah ini, terdapat banyak ladang kelapa sawit. Adakah Chaah terkenal dengan hasil kelapa sawit?**

RZS: Mengikut (tergagap) sejarah mukim Chaah ini kerana Ladang Johor Labis adalah ladang yang pertama telahpun di (tergagap) diwujudkan di kawasan Chaah ini dan kelapa sawit ini adalah menjadi sumber-sumber utama pada ketika itu sehingga pada hari ini juga (ayam berkokok) kelapa sawit adalah hasil pengeluaran --- yang (tergagap) pertama dijadikan sumber pendapatan bagi penduduk-penduduk di Chaah.

**UFMY: Pada zaman dahulu, penduduk Chaah menggunakan gelaran kelapa bali terhadap kelapa sawit. Mengapakah mereka memberi gelaran itu kepada kelapa sawit? Bolehkah Encik jelaskan.**

RZS: Mengikut sejarah kelapa sawit yang dulunya [dahulunya] diberi nama dengan kelapa bali kerana mungkin pada ketika itu pendatang-pendatang daripada Indonesia ataupun China melihat buah kelapa sawit itu mirip (suara orang bercakap) dengan buah kelapa bali di tempat-tempat mereka dan ianya pun sudah menjadi (tergagap) sebutan harian bagi penduduk-penduduk di pekan Chaah pada ketika itu. Kelapa bali itu lebih mudah dikenali kepada pada ketika itu untuk mereka menjadi (tergagap) menjadikan pokok kelapa sawit yang pada hari ini itu sebagai sebutan kelapa bali.

**UFMY: Bagaimanakah pemprosesan (tergagap) ini berlaku? Bolehkah Encik jelaskan lebih sedikit.**

RZS: Untuk proses, kelapa sawit ini (tergagap) berlaku kerana di Chaah ini juga mempunyai kilang kelapa sawit yang diusahakan oleh pihak ACHI JAYA pada ketika ini dan prosesnya berlaku dengan menggunakan buruh-buruh yang mengait buah kelapa

sawit dan dibawa kepada kilang bagi diproses dan perahan buah-buah kelapa sawit ini akan (tergagap) dijadikan minyak dan minyak itu dinamakan MPOB dan minyak daripada proses itulah menjalankan perniagaan di Chaah ini (bunyi orang sendawa) dan itulah serba sedikit details (penjelasan) proses yang boleh kita jelaskan.

**Rakaman bersama Encik Razali berhenti seketika.**

Nadirah Md Isa: Rakaman di sambung semula bersama saya Nadirah Binti Md Isa dengan Encik Razali Bin Salleh.

**NMD: Soalan seterusnya, Encik Razali, kami ada terbaca dari sumber Majlis Daerah Labis Sekolah di Chaah tertubuh sejak dari terjadinya Mukim Chaah ini. Jadi, bolehkah Encik jelaskan sedikit penubuhan sekolah di Chaah?**

RZS: (Bunyi kipas angin dan orang bercakap) Bagi makluman \_\_\_\_ penubuhan sekolah di Chaah ini, ikut sejarahnya, tertubuhnya sekolah di Chaah ini adalah aaa bermulanya satu sekolah iaitu dipanggil Sekolah Sri Bali Chaah yang berada di kawasan yang sekarang ini dipanggil Kampung Melayu, dan sekolah ini juga ialah salah satu sumber pendidikan yang telah pun diwujudkan pada ketika itu.

**NMD:** - Jadi Encik Razali, adakah sekolah ini pada zaman dahulu digunakan untuk sesuatu kepentingan selain memberi pendidikan kepada golongan muda sekarang?

RZS: Mengikut mengikut sejarah penubuhan sekolah yang dinamakan Sekolah Sri Bali ini ketika itu dijadikan sebagai satu sekolah bagi pendidikan warga-warga tua yang mana- pada ketika itu kebanyakkan penduduk-penduduk di Chaah ini adalah mereka yang buta huruf. Jadi, wujudnya Sekolah Sri Bali ini sebagai satu tempat pendidikan asas pertama kepada penduduk orang Chaah pada ketika itu. Dan selain daripada itu, untuk makluman mungkin\_\_ Sekolah Kebangsaan Sri Bali Chaah itu telah pun di guna pakai hingga ke hari ini- bagi menjadikan salah satu sekolah kebangsaan yang ada di Mukim Chaah.

**NMD: (bunyi ayam)** Selain sekolah yang begitu lama penubuhannya, terdapat lagikah bangunan-bangunan lama yang dikekalkan keasliannya pada zaman dahulu di zaman sekarang?

RZS: Mungkin apa yang kita lihat pada persekitaran di Mukim Chaah ini, sekolah yang mungkin dapat kita perlihatkan, bangunan sekolah. Di Bali, kita juga ada sebuah (berfikir) mungkin boleh dikatakan satu monumen lama (bunyi angin) sekolah yang dinamakan Sekolah Cina Chaah dan (tergagap) ia adalah juga sekolah yang hampir (berfikir) hampir juga boleh dikatakan penubuhan yang telah lama wujudnya di pekan Chaah ini.

**NMD: Adakah sekolah tersebut mempunyai keistimewaan sendiri pada zaman dahulu atau pada zaman sekarang? Boleh Encik Razali jelaskan lebih sedikit.**

RZS: Mengikut pengalaman saya yang duduk di Chaah ini yang mungkin hamper lima puluh (50) tahun saya duduk di Chaah berada di Chaah, sekolah agama dan juga sekolah cina itu adalah satu sekolah yang mungkin boleh dijadikan peninggalan sejarah pada masa ini dan apa yang kita (tergagap) dimaklumkan mungkin kewujudan sekolah-sekolah ini juga adalah sebagai satu asas pendidikan mereka dan ianya telah pun dikenalkan hingga ke hari (tergagap) ini dan juga ada penambahan sekolah-sekolah baru yang mana untuk menambah pendidikan di kawasan penduduk Mukim Chaah.

**NMD: Encik Razali, kami ada mempunyai sumber yang benar dan sahih yang menyatakan “Darling Walk” mempunyai kisah sendiri yang menarik. Bolehkah Encik Razali ceritakan sejarah “Darling Walk” tersebut.**

RZS: (Bunyi kipas angin)—Untuk sejarah ataupun kisah menarik di “Darling Walk” ini untuk pengetahuan umum, mungkin (tergagap)- kita perlu mengenali siapakah “Darling” itu sendiri, kerana “Darling” ini adalah seorang yang telah pun dijadikan pengurus ladang Johor-Labis pada ketika itu. Dan cerita yang mungkin boleh kita jadikan satu cerita menarik, (berfikir) “Encik Darling Walk” ini telah pun mati di di kawasan yang mana sekarang ini diberi nama “Darling Walk” oleh pihak Majlis Tempatan Chaah. Dan sejarahnya mungkin kita boleh\_\_, ada terdengar daripada cerita-cerita orang lama pada ketika itu, mereka adalah orang-orang yang (berfikir) orang, orang apa yang mungkin dalam golongan yang elit pada ketika itu, kerana mereka sentiasa duduk berhibur di kawasan persekitaran “Darling Walk” ini untuk menghabiskan masa lapang mereka dan pada ketika itu mereka mungkin ada perselisihan faham atau pun perkara yang mungkin kita tidak tahu apa sebabnya, maka berlakulah satu kesan tembakan kepada Encik Darling Walk [Darling] ini dan dan beliau meninggal di kawasan itu dan atas cerita itu maka mungkin sejarah “Darling Walk” itu terwujud sehingga sekarang.

**NMD: Aaa baiklah Encik Razali, siapakah pula yang telah menyumbang idea untuk membangunkan “*Darling Walk*” sebagai satu sejarah di Mukim Chaah ini?**

RZS: Apa yang saya dimaklumkan untuk mengekalkan “*Darling Walk*” ini, pada mulanya memang kawasan itu telah pun dimajukan oleh pihak Majlis - Daerah Chaah pada ketika itu, yang telah pun membina bangunan-bangunan kedai mempunyai jalan yang dijadikan simbol sebagai kawasan “*Darling Walk*” dan mungkin orang yang telah banyak menyumbang idea untuk sejarah itu adalah kalau yang mungkin masa hidup adalah Encik aaa Datuk Haji Abdul Rahman Bin Yunus, kerana beliau adalah salah seorang anak pengasas aaa pekan Chaah ini iaitu Encik – Encik apa, Datuk Datuk Yunus [Tuan Haji Yunus] yang banyak membawa pekerja-pekerja untuk menyumbang pada ekonomi ladang kelapa sawit kelapa bali [kelapa sawit] ketika itu.

**NMD: Siapakah yang telah merasmikan “*Darling Walk*” sebagai tempat bersejarah dan boleh Encik aaa nyatakan pada tahun bilakah tempat ini dirasmikan?**

RZS: - Mungkin yang ini (tergagap) saya tak [tidak] dapat nak [hendak] jelaskan kerana kami tak [tidak] dapat secara rasminya tempat ini telah pun dirasmikan atau pun telah dijadikan tempat bersejarah. Tapia apa yang kita lihat pada hari ini, hanya (berfikir) “*Darling Walk*” itu sajalah [sahaja] yang menjadi cerita dan sejarah bagi orang-orang lama di Mukim Chaah pada pada ketika itu.

**NMD: Encik Razali, adakah rakyat terutama golongan muda pada zaman ini masih mengetahui sejarah “Darling Walk” tersebut?**

RZS: Kalau mengikut peratus pada golongan muda yang berada di Chaah ini, kalau kita ingin melihat pengetahuan mereka tentang sejarah saya rasa terlalu kuranglah [kurang] kerana mereka kebanyakannya anak-anak di Chaah ini, mereka akan berada di Chaah dalam (berfikir) zaman pendidikan sehingga tingkatan tiga (3) kerana mereka terpaksa melanjutkan pembelajaran [pelajaran] mereka hingga [sehingga] ke tempat yang lain, dan mungkin sejarah ini tidak dapat dipanjangkan kepada mereka kerana – ianya tidak menjadi keutamaan pada ketika itu.

**NMD : Adakah tempat unik ini seperti “Darling Walk” ataupun sekolah kebangsaan yang Encik nyatakan memberi apa-apa keuntungan ataupun keistimewaan kepada Bandar Chaah? Bolehkah Encik Razali terangkan mengenai ini lebih terperinci.**

RZS: Mungkin untuk kalau kata dijadikan tempat yang unik atau menguntungkan di pekan Chaah ini tidak begitu tepatlah [tepat] kerana Chaah bukanlah [bukan] satu pekan yang boleh\_\_ yang begitu menjadi tumpuan, kerana Chaah ialah salah satu pekan yang mana [dimana] menjadi pekan bersempadan di antara Batu Pahat dan Segamat, dan kalau kita lihat untuk (berfikir) daripada segi ekonomi, Chaah hanyalah sebuah tempat yang mana penduduknya lebih kepada memberi sumbangan ekonomi hasil-hasil komuniti ataupun kelapa sawit dan getah sahaja dan selainnya tidak dapat memberi pandangan dan mungkin ianya tidak begitu memberi banyak (tergagap) apa kita lihat unik dan keuntungan di pekan Chaah.

**NMD: Encik Razali, adakah terdapat tempat yang menarik di Chaah selain “Darling Walk”?**

RZS: Tempat yang menarik di Chaah selain daripada “Darling Walk”, saya tak [tidak] berapa nak [boleh] dapat memberi pandangan, tapi kalau nak [hendak] kata menarik, Ladang Johor-Labis itu adalah tempat yang juga menarik kerana ianya adalah tempat yang mana penempatan asal wujudnya Chaah ini dan kalau seingat saya, di Ladang Johor-Labis itu juga wujudnya sebuah kem yang mana pada zaman (tergagap) penjajah dulu [dahulu] kita ada [terdapat] kem di Chaah ini, dan ianya nama sempena sebuah penempatan pekerja ladang itu dinamakan “Army Camp” [kem tentera]. Itu saja [sahaja] yang dapat saya terangkan.

**NMD: Baiklah Encik Razali, selain “Darling Walk” kami tertarik dengan padang golf S T Rhodes Club yang terletak di salah satu tengah ladang kelapa sawit di Chaah. (Tarik nafas) Bagaimanakah tertubuhnya padang golf S T Rhodes Club ini?**

RZS: Padang golf S T Rhodes Club ini tertubuhnya mengikut sejarahnya adalah daripada peninggalan pengurus ladang Johor-Labis itu kerana mereka adalah terdiri daripada golongan-golongan elit mana [dimana] padang golf ini dijadikan tempat untuk mereka beriadah dan kelab untuk mereka membuat [mengadakan] jamuan ataupun parti-parti sosial golongan mereka pada ketika itu. Dan sehingga sekarang ini, padang golf itu telahpun dikekalkan dan ianya menjadi tempat dimana pengurus-pengurus ladang akan sampai pada waktu-waktu lapang mereka.

**NMD: Siapakah yang telah membuka atau menubuhkan golf- - - padang golf S T Rhodes Club (tergagap) tersebut?**

RZS: Apa yang saya difahamkan [Apa yang saya faham] ianya telahpun ditubuhkan oleh seorang pengurus (bunyi kipas angin sambil berfikir) Ladang Johor-Labis dulu, tapi [tetapi] saya tak ingatlah [tidak ingat] nama dia [pengurus padang golf S T Rhodes Club] dan mungkin kalau (tergagap) puan [Nadirah] berkesempatan untuk singgah di (tergagap) Club golf itu, ia ada batu asas penubuhannya yang telahpun diabadikan di Club itu.

**NMD: Baiklah Encik Razali, kami ingin tahu adakah ladang kelapa sawit di Mukim Chaah pada zaman dahulu dibuka ataupun ditubuhkan oleh golongan Melayu atau pendatang atau kaum dari (ayam berkокok) dari negara lain?**

RZS: Kalau mengikut sejarahnya, ladang kelapa sawit ini telahpun ditubuhkan oleh apa golongan penjajah pada ketika itu, mereka melihat kawasan Chaah ini begitu sesuai bagi dijadikan ladang kelapa sawit yang dulu dinamakan kelapa bali untuk dijadikan satu (berfikir) tempat mereka mendapat sumber ekonomi pada ketika itu. Dan mereka ini kalau boleh saya maklumkan, mereka daripada golongan orang-orang luar yang mana mereka bersama dengan mungkin agaknya penjajah-penjajah dan menjadikan ladang kelapa sawit Chaah yang pada ketika itu dinamakan ladang Johor-Labis untuk (berfikir) ekonomi mereka pada masa itu.

**NMD: Baiklah Encik Razali, kita berbalik semula kepada soalan padang golf S T Rhodes Club tadi. Adakah padang golf tersebut terbuka kepada semua orang yang dimaksudkan orang awam ataupun penduduk kampung Chaah ini.**

RZS: Kalau mengikut apa yang saya dimaklumkan padang golf Rhodes Club [S T Rhodes] ini juga ada masanya dibuka kepada orang-orang awam dan, tetapi sambutan pada [daripada] orang Mukim Chaah ini mungkin tidak begitu menggalakkan kerana sukan golf ini bukan daripada – (berfikir) orang-orang yang (tergagap) mempunyai pendapatan rendah yang berada di Mukim Chaah, dan saya melihat ada juga mungkin pengurus-pengurus ladang daripada luar ataupun pegawai-pegawai agensi yang hadir ke pandang golf ini untuk menjalankan riadah mereka bermain golf di sini.

**NMD: Pada pendapat Encik Razali, adakah padang golf ini juga dianggap sebagai satu warisan silam di Mukim Chaah? Boleh Encik terangkan dan berikan sedikit pendapat Encik Razali.**

RZS: Kalau melihat daripada tempat yang telahpun dijadikan padang golf ini, saya melihat ini sebagai salah satu warisan silam kerana wujudnya padang golf ini seiring dengan wujudnya Ladang Johor-Labis ketika itu, dan ianya mungkin menjadi simbol bagi – (berfikir) orang mengenali Chaah dengan wujudnya padang golf dan ada beberapa tempat yang mungkintidak begitu dikenali seperti “Darling Walk” dan (berfikir) Chaah ini menjadi laluan utama di penduduk Negeri Johor kerana laluan utama dari Johor ke Gemas adalah melalui pekan Chaah ini, dan padang golf ini juga kalau mengikut sejarahnya juga ianya menjadi tempat yang boleh dibanggakan bagi penduduk di Mukim Chaah ini.

**NMD: Encik Razali, Adakah Mukim Chaah termasuk dalam - - - (bunyi angin). Encik Razali, adakah Mukim Chaah tertubuh di bawah pentadbiran Majlis Daerah Labis. Mengapakah ia [Mukim Chaah] tidak termasuk dalam pentadbiran Majlis Daerah Segamat?**

RZS: Ok [Okey]. Mukim Chaah ini adalah satu Mukim yang berada dalam daerah. Sebenarnya Mukim Chaah ini juga adalah bawah jajahan Majlis Daerah Segamat yang mana kawasan tadbirnya adalah Majlis Daerah Labis kecil.

**NMD: (bunyi angin) Okey Encik Razali, apakah pandangan Encik Razali terhadap Mukim Chaah ini pada masa hadapan dan bolehkah Encik Razali memberi sedikit pandangan ataupun sedikit komen untuk pembangunan Chaah di masa akan datang?**

RZS: Bagi pandangan atau pendapat saya mengenai Chaah ini adalah sebuah pekan yang boleh dimajukan kerana Mukim Chaah ini adalah terletak di jalan utama yang mana kalau puan [Nadirah] lihat Chaah adalah menjadi penghubung utama bagi rakyat Negeri Johor. Dan saya melihat untuk melihat Chaah ini maju, kita perlu melihat pada persekitaran dan ekonomi penduduk Chaah ini. Kalau Chaah ini dijadikan sebagai satu tempat penghasilan hasil-hasil kampung ataupun industri-industri kampung diwujudkan sebagai salah satu pendapatan tambahan kepada penduduk di Mukim Chaah ini. Dan saya melihat bahawa kalau atas apa yang telahpun kita sedia maklum, kalau Chaah ini dijadikan sebagai satu kawasan industri selain industri komuniti kelapa sawit telah wujud sedia ada, kalau ianya boleh diperkembangkan dan mungkin kalau kita sudah mula menampakkan kilang yang mana sekarang ni [ini] pelandangan ACHI JAYA telahpun mewujudkan sebuah kilang biodiesel yang mana ianya menjadi satu lagi penambahan ekonomi kepada Mukim Chaah ini. Dan selainnya, saya melihat masa akan datang, Chaah ini mungkin akan menjadi sebuah pekan yang maju setaraf dengan mungkin pekan Labis dan juga Bandar Daerah Segamat kerana ianya menjadi perhubungan utama dalam (tergagap) daerah Segamat dan Batu Pahat yang mana ianya terletak

dalam kawasan mempunyai persekitaran – perladangan yang boleh dimajukan pada masa akan datang.

**NMD: Soalan yang terakhir Encik Razali, kami dapati terdapat berbagai-bagai sungai yang terdapat di Mukim Chaah, adakah sungai ini boleh dijadikan sebagai satu tempat perlancongan ataupun satu keistimewaan di Mukim Chaah ini?**

RZS: (Bunyi kipas angin) Okey. Untuk apa sungai yang puan [Nadirah] lihat kerana kalau mengikut sejarahnya wujudnya nama Chaah ini juga adalah kerana dikelilingi oleh sungai yang mana kalau perkataan cina, Che'ah\_\_ “Chi Ya Kang” , pertemuan di antara beberapa sungai yang mana sungai-sungai ini kalau kita lihat ianya wujud daripada aliran sungai daripada gunung Bekok itu sendiri yang mana ianya akan melalui pekan Chaah dan terus kepada kawasan Daerah Batu Pahat . Kalau melihat untuk kita majukan sungai di Chaah ini, ianya boleh difikirkan andainya pihak kerajaan melihat kalau gabungan keseluruhan [keseluruhan] sungai ini dijadikan tempat riadah dan reakrasi bagi penduduk seterusnya di pekan Chaah dan juga orang-orang luar untuk melihat keunikan Mukim Chaah ini. Dan apa, apa yang saya lihat secara peribadinya, Chaah ini adalah sebuah pekan ataupun dalam satu kawasan mukim yang mempunyai keunikan dengan penduduk yang berbilang bangsa dan sentiasa bekerjasama dengan berbagai-bagai budaya yang boleh dijadikan sebagai (berfikir) tempat yang menarik ataupun boleh dimasukkan dalam sejarah perlancongan di Negeri Johor.

**NMD: Baiklah, wawancara saya Nadirah Binti Md Isa serta sahabat saya Ummi Fatihah Binti Mohd Yunus bersama Encik Razali Bin Salleh mengenai penduduk Chaah, purata kegiatan ekonomi dan tempat bersejarah tamat.**

### SEGMENT C

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai perindustrian penyejuk bekuan makanan Puan Fadilon di Mukim Chaah ini. Puan Fadilon merupakan pengasas utama dalam industri ini di Mukim Chaah. Beliau menghasilkan pelbagai jenis makanan penyejuk bekuan kuih muih tradisional. Industri ini mula berkembang di Mukim Chaah dalam tempoh masa dua (2) tahun atas dorongan dan kerjasama kaum wanita di Mukim ini. Industri ini menarik kerana ia merupakan usaha sendiri, kaum-kaum wanita yang sudah berumur di Mukim Chaah bagi menyara pendapatan dan mengembangkan perniagaan mereka. Bersama saya pada waktu ini adalah Puan Fadilon binti Abu Bakar salah seorang pengasas industri makanan penyejuk bekuan di Mukim Chaah ini. Rakaman ini telah dikendalikan di rumah beliau di alamat No Enam (6), Jalan Dato' Seth, Chaah Lapan Lima Empat Ratus (85400) Segamat, Johor Darul Takzim pada sembilan belas Jun dua ribu empat belas (19 Jun 2014) jam sepuluh setengah (10.30) pagi. Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya, Nadia binti Baharin dan sahabat saya, Abdul Harith bin Ismail. Dengan ini saya memulakan wawancara tersebut (bunyi kertas diselak).

#### **Nadia Baharin: Bolehkah Puan ceritakan sedikit latar belakang diri Puan?**

Fadilon Abu Bakar: Nama saya Puan Fadilon binti Abu Bakar. Saya berasal dari Felda Medoi, Segamat dan bukannya berasal daripada Chaah. Saya lahir pada tahun lapan belas (18) haribulan lapan (8) tahun sembilan belas enam puluh lapan (1968) dan tempat lahir saya juga di Felda Medoi, Segamat dan saya sebenarnya bukanlah dari golongan pendidikan yang sempurna. Saya hanya sekolah di Sekolah Dato' Bentara Dalam dari tingkatan satu (1) hingga tingkatan tiga (3). Selepas itu, saya bekerja di kilang Segamat, hanya sementara di Kilang Masumi iaitu kilang elektronik (bunyi kenderaan). Sekarang saya telah mempunyai dua (2) orang anak iaitu berumur empat belas (14) tahun dan tiga belas (13) tahun. Seorang lelaki dan seorang perempuan. Saya telah berpindah ke Chaah selepas berkahwin dengan Encik Razali pada tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan (1999) dan sudah menetap di Mukim Chaah ini selama lima belas (15) tahun. Saya di sini, telah meniaga kecil-kecilan di kampung,

melalui industri desa penyejuk bekuan makanan ini dan sementara itu, saya juga telah mempunyai adik-beradik tiga (3) orang dan merupakan anak sulung di antara tiga (3) orang ini dan mak ayah saya berasal dari Segamat. Mak daripada Felda Medoi dan ayah saya berasal dari Jementah dan selepas berkahwin, kami sekeluarga menetap di Felda Medoi dan menjadi orang felda. Tapi [tetapi] selepas saya berkahwin dengan Encik Razali ni [ini], teruslah berpindah ke rumah mak mentua saya di Chaah dan menetap di sini.

**NB: Sejak bilakah Puan mula terlibat dengan industri penyejuk bekuan makanan ini?**

FAB: Hmm. Baiklah, saya mula terlibat dengan industri penyejuk bekuan makanan ini taklah [tidaklah] berapa lama, cuma dalam satu (1) tahun setengah. Mulanya industri ni [ini] sebab saya hanya suka-suka untuk macam nak [hendak] buat macam kuih-muih, bekal kepada orang kampung dan selepas itulah, saya mula orang kata macam buat perniagaan ini dalam masa setahun setengah dan bekerja atas saya punya modal sendiri.

**NB: Bagaimanakah Puan memulakan perniagaan ini?**

FAB: Saya memulakan perniagaan ini dari kecil-kecilan, yang bermula daripada rumah saya sendiri, di mana saya yang membuat proses industri penyejuk bekuan ini, dari segi saya mula orang kata menghasilkan kuih-muih, penyimpanan kuih-muih ini, serta pembelian barang bahan mentah pun, saya juga yang mulakan. So [jadi], daripada kecil-kecilan ini, saya mulalah sedikit demi sedikit untuk orang kata macam kembangkan saya punya perniagaan ini dari kalangan jiran-jiran, rakan-rakan di mana mereka yang suka -- suka dengan makanan kuih-muih penyejuk bekuan ini, saya bekalkan kepada mereka dan saya takda [tidak ada] buat secara besar-besaran atau pun satu kedai, tak [tidak]. Semuanya bermula pada rumah saya sendiri, disimpan pun di rumah saya. Andai kata,

saya punya pelanggan nak [hendak], datang rumah, mereka boleh dapatkan bekalan penyejuk bekuan makanan ini.

**NB: Adakah Puan menjalankan perniagaan ini sekadar hanya untuk mengisi masa lapang atau minat yang mendalam?**

FAB: Saya sebenarnya buat perniagaan ini atas dasar untuk menambahkan sedikit pendapatan keluarga dan minat mendalam tu [itu] ya, mmg ada dalam diri saya sebab dari kecil saya telah di didik dalam industri menghasilkan kuih-muih (bunyi kenderaan). Jadi (bunyi kenderaan), minat ada, untuk mengisi masa lapang pun ada. Iyelah [ya lah], saya di rumah pun tidak ada sape-sape [siapa-siapa], anak saya pun bersekolah, suami saya pun, orang kata sibuk dengan kerja masing-masing. Jadi, saya memenuhi masa saya ni [ini] dengan menghasilkan industri ini, di samping (bunyi kenderaan) saya juga dapat sedikit pendapatan untuk seisi keluarga saya (bunyi kenderaan). (bunyi kenderaan) Jadi, pada masa (bunyi kenderaan) sama, saya macam boleh mengembangkan juga industri ini dalam kampung saya serta di Chaah lah. Untuk mengata, untuk nak [hendak] mendapatkan faktor utama saya untuk industri ini sebab minat mendalam and [dan] dan mengisi masa lapang saya.

**NB: Dari manakah Puan mendapat modal untuk perniagaan ini?**

FAB: Modal (sedang berfikir) (bunyi kenderaan) saya dapat dari usaha saya sendiri, kewangan saya sendiri dan keluarga saya. Buat sementara ini, saya takda [tidak ada] dapat mana-mana lagi modal dari modal kawan ke, dari orang kata organisasi lain takda [tidak ada]. Semuanya modal dari keluarga saya sendiri lah, dari segi pembelian mesin, dari segi pembelian freezer [peti pembeku], pembelian bahan-bahan mentah. Itu semua dari hasil modal kami sendiri dan daripada hasil modal tu [itu], kami dapat merai hasil jualan penyejuk bekuan makanan ini. Jadi daripada situ, saya guna balik modal saya

untuk mendapatkan atau membeli sebarang keperluan yang berkaitan dengan penghasilan kuih-muih ini. Jadi nak [hendak] kata modal lain takda [tidak ada] lah buat masa sementara ini. Lagipun, suami saya pun masih lagi orang kata masih boleh menampung lagi untuk pembelian dari segi kelengkapan, mesin, tepung, kentang atau pun lain-lain (bunyi kenderaan).

**NB: Jumlah jam sehari untuk Puan menghabiskan masa untuk menjalankan aktiviti perniagaan ini?**

FAB: Baiklah, jumlah jam sehari tak [tidak] makan banyak masa lah (bunyi terketuk meja). Dari jamnya hanya lima (5) jam proses pembuatan setiap kuih-muih ini. Lima (5) jam ni [ini] termasuklah dari segi kita orang kata menghasilkan tepung dia, untuk orang kata lenyek tepung tu [itu], orang kata klip karipap tu [itu], proses pembakaran semuanya dalam lima (5) jam. Tiga (3) jam tu [itu] kita hasilkan untuk buat inti dia. Inti dalam masa dua (2) jam dan untuk menghasilkan tepung tu [itu] tak [tidak] sampai setengah jam, dalam masa dua puluh (20) minit, lima belas (15) minit dah [sudah] siaplah. Untuk sambil golek tu [itu], kita buat sambil bakar. Maksudnya dua (2) dalam satu (1). Satu (1) hari tu [itu] saya boleh hasilkan dalam empat (4) kilo, empat (4) kilo kuih-muih tu [itu] bersamaan dengan tujuh belas (17) paket lah. Jadi, lima (5) jam tu kadang-kadang kalau saya rasa boleh lagi menghasilkan kuih-kuih lain, kira macam dalam satu (1) hari saya boleh buat dalam (bunyi ketuk) lima (5) jam atau sepuluh (10) jam tu [itu] boleh macam-macam kuih saya boleh hasilkan.

**NB: Siapakah yang selalu memberi Puan sokongan untuk meneruskan perniagaan sejuk beku ini?**

FAB: Yang bagi sokongan pada saya selalunya terutamanya suami sayalah yang selalu beri – dorongan, nasihat, dari segi keperluan modal. Tak [tidak] lupa juga, pada emak mentua saya, keluarga saya, rakan-rakan serta penduduk kampung. Suami saya banyak beri dorongan dari segi mengeluarkan modal sedikit untuk saya menghasilkan industri ini, mak mentua saya pula selalu membantu saya dalam menghasilkan kuih-muih ini jika dia tidak ada sebarang program atau pun aktiviti-aktiviti lain. Dari segi keluarga, mereka sering memahami saya dalam menghasilkan industri ini, dari segi sibuk saya, dari segi kepenatan saya, mereka kadang-kadang tolong saya juga menghasilkan kuih-muih ini, dari segi rakan-rakan serta penduduk kampung di sini, mereka banyak menyokong saya dari segi membeli, apa ni [ini] makanan atau pun penyejuk bekuan makanan ini. Kadang-kadang mereka juga memberi idea pada saya macam mana saya nak [hendak] hasilkan industri ini dengan lagi besar. Kadang-kadang ada juga mereka yang sanggup macam datang untuk membantu saya menghasilkan kuih lain dan buat sementara ini ada sesetengah jiran saya atau penduduk kampung, mereka menghasilkan kuih-muih lain seperti wadeh atau pun donut. Selepas itu, mereka terus menghantar kepada rumah saya untuk di simpan dalam freezer [peti pembeku] di rumah saya lah (bunyi kenderaan). Jadi, saya cuma ambik [ambil] --- apa ni [ini] modal untuk membeli sahaja kuih tu [itu]. Jadi, daripada situ saya nampak pelbagai sokongan dari pelbagai pihak yang membantu saya dalam menguruskan industri ini. Daripada sokongan itu, saya macam rasa kuat atau pun semangat untuk menghasilkan industri ini dan InshaaAllah di masa akan datang saya berharap industri ini makin berkembang di kalangan penduduk dan Mukim Chaah ini.

**NB: Adakah Puan mendapat bantuan dari pihak MARA?**

FAB: Dari pihak MARA, saya tidak mendapat bantuan kerana saya tidak pernah memohon kelulusan dari pihak MARA kerana saya pun baru sahaja, baru di dalam industri ini. Tetapi, inshaaAllah saya cuba untuk memohon bagi mendapat sedikit modal dari segi kewangan atau pun memberi, mereka boleh membekalkan sebarang keperluan yang lagi baru kepada industri ini. Dan bantuan dari pihak lain, saya juga cuba untuk mendapatkan di sebabkan saya rasa industri ini semakin dapat di terima baik oleh penduduk kampung di sini dan pembekalan makanan ini pun semakin bertambah. InshaaAllah saya cuba untuk memohon kelulusan dari pihak MARA kerana pihak MARA selalunya membantu. Iyela [ya lah] industri desa kan. Jadi, mereka boleh memberi peluang kepada usahawan desa untuk menghasilkan setiap industri yang mereka ce --- ceburi.

**NB: Apakah tujuan Puan menjalankan perniagaan penyejuk bekuan makanan ini?**

FAB: Tujuan saya untuk melakukan perniagaan ini di sebabkan yang pertama saya ingin mendapat sedikit pendapatan tambahan untuk keluarga saya. Lagipun di sini --- di Chaah ini, kebanyakan penduduk menghasilkan sendiri industri mereka seperti ternakan, bekerja di dalam kelapa sawit. Jadi, kaum wanita seperti saya kami lebih kepada industri desa kuih muih lah untuk mendapat sedikit pendapatan bagi sara hidup keluarga saya. Dan yang kedua, di sebabkan saya punya minat untuk industri desa ni [ini], saya rasa benda ni [ini] boleh jadi industri yang sangat orang kata amat penting dalam Chaah ini dan yang ketiga, ingin saya kembangkan industri ini di Mukim Chaah di sebabkan kerana kami tidak mempunyai sebarang industri lain selain industri ladang kelapa sawit, industri ternakan. Jadi, saya rasa dengan adanya industri penyejuk bekuan makanan ini, mungkin menjadi salah satu pendapatan besar untuk penduduk Chaah bagi membekalkan kami punya bekalan kepada pihak lain atau pun di luar daerah kami.

Jadi, itulah tujuan saya untuk menghasilkan industri penyejuk bekuan makanan ini di Mukim Chaah. (bunyi ayam berkokok).

**NB: Boleh saya tahu siapakah yang selalu menjadi pelanggan tetap Puan?**

FAB: Pelanggan tetap saya semestilah jiran, rakan-rakan, penduduk kampung dan ada juga orang luar di luar daerah. Jiran dan penduduk kampung memang selalu mendapatkan bekal kuih-muih tradisional ini di rumah saya. Di sebabkan saya merupakan salah satu pengasas utama untuk menghasilkan penyejuk bekuan makanan ini. Orang di luar daerah selalunya seperti sedara-sedara saya yang jauh, yang datang ke Chaah kadang-kadang untuk mendapatkan makanan kuih-muih ini. Mereka selalunya memilih penyejuk bekuan makanan ini kerana faktor tempoh bertahannya makanan ini agak lama sedikit berbanding dengan kuih-muih yang biasa. Jadi, selalunya jiran-jiran, mereka mendapatkan bekalan ini untuk di sebabkan atas jualan perniagaan mereka, kadang-kadang ada juga yang ingin sebagai santapan menu petang. Dan untuk penduduk luar daerah selalunya mereka membekalkan juga kepada orang lain seperti sistem, orang kata perniagaan atas (sedang berfikir), perniagaan atas pertukaran yang orang kata selalunya mendapatkan dari (sedang berfikir) orang lain dan di jual kepada orang lain. Jadi, daripada situ, mereka juga bolehlah mendapatkan sedikit pendapatan untuk diri mereka juga. So [jadi], memang kami membekalkan bekalan penyejuk bekuan makanan ini kepada semua orang lah, cuma yang lebih terutamanya kepada jiran, sedara tu [itu] semestinya mereka memang mendapat bekal daripada saya. Serta penduduk yang lain, daripada mukim lain juga ada juga yang datang apabila mereka merasa kali pertama kuih-muih ini. Memang, itu selalulah yang menjadi saya punya pelanggan untuk industri ini.

**NB: Biasanya dalam sehari Puan boleh menyiapkan berapa tempahan?**

FAB: Selalunya (bunyi kenderaan) saya boleh menyiapkan tempahan sebanyak dua puluh (20) bungkuslah (bunyi kenderaan). Dua puluh (20) bungkus tu [itu] di dalam tu [itu] ada sekurang-kurangnya enam belas (16) keping setiap jenis kuih muih. So [jadi], jadi dalam dua puluh (20) bungkus tu [itu] bersamaan dengan dua ratus (200) lebih bilangan kuih-muih yang saya hasilkan.

**NB: Adakah Puan pernah menjalani mana-mana latihan dalam bidang perniagaan ini?**

FAB: Saya tak [tidak] pernah jalani mana-mana latihan dalam bidang perniagaan ini kerana saya bermula dari minat saya dan daripada dahulu lagi, semasa zaman – semasa zaman anak dara saya, saya memang mahir dalam menghasilkan kuih-muih tradisional ini, dari orang kata pengalaman atau pun pengetahuan yang ibu saya beri kepada saya. Daripada situ saya cuba untuk memahirkan diri saya dalam menghasilkan pelbagai jenis kuih lain seperti donut, karipap, wadeh dan lain-lain. Daripada itu, saya mula membuka sedikit industri ini, kecil-kecilan di rumah saya. Dan selepas itu, baru-baru ini, awal tahun lepas saya ada menghadiri kursus anjuran pihak asas tani yang di mana mereka mengajar atau memberi sedikit ilmu kepada kami sebagai usahawan desa dalam menghasilkan industri atau jual beli industri desa kami dan memberi sedikit orang kata macam (sedang berfikir) tips [petua] kepada kami untuk lagi maju di dalam industri ini.

**NB: Berapakah anggaran jumlah modal perniagaan Puan?**

FAB: Anggaran jumlah modal untuk perniagaan saya bermula dari dua ratus (200) ringgit sebulan, di mana dua ratus (200) ringgit itu merangkumi dari segi pembelian bahan-bahan mentah, plastik serta lain-lain. Itu tidak termasuk untuk pembelian mesin uli tepung atau freezer [peti pembeku]. Untuk pembelian mesin sudah lama saya beli. Jadi, ini dua ratus (200) ringgit sebulan hanya untuk modal setiap bulan saya menghasilkan industri desa ini.

**NB: Berapakah pendapatan bersih bulanan Puan?**

FAB: Pendapatan bersih saya untuk industri ini selalunya dalam anggaran seribu (1000) ringgit sebulan. Seribu ringgit sebulan itu hanya orang kata (bunyi angin) pendapatan biasa-biasa, di mana kalau ada --- majlis-majlis kahwin, kenduri, pelanggan saya meminta untuk saya menghasilkan lebih sedikit, anggaran bersih saya selalunya kadang-kadang menjangkau dalam lingkungan dua ribu (2000) ringgit sebulan. Jadi dengan pendapatan bersih ini, Alhamdulillah saya dapat untuk menyara sedikit keluarga saya dengan terhasilnya industri ini.

**NB: Su ----? Sudah berapa tahun Puan melibatkan diri dengan perniagaan ini? (Masalah teknikal)**

FAB: Untuk saya dalam melibatkan diri dengan perniagaan ini, sudah lama sebenarnya. Tetapi untuk industri desa penyejuk bekuan makanan ini seperti yang saya nyatakan tadi, selama setahun setengah. Tetapi (bunyi kenderaan) orang kata jumlah atau berapa lama saya terlibat dalam industri kuih-muih ini daripada zaman saya anak dara

dan daripada situ saya mula berfikir untuk menghasilkan industri desa untuk penyejuk bekuan makanan dari segi kuih-muih tradisional ini.

**NB: Bagaimakah Puan mendapat bekalan bahan mentah?**

FAB: Buat masa sekarang saya mendapatkan bekalan bahan mentah seperti kedai-kedai biasa, pasar, serta kadang-kadang juga di kedai borong di mana boleh mendapat harga murah. Daripada situ, saya mendapatkan bahan-bahan mentah untuk menghasilkan kuih-muih ini. Saya tidak ada mempunyai orang kata satu kedai yang utama untuk saya mendapatkan bahan mentah kerana di Chaah ini susah untuk mendapatkan barang-barang, bahan-bahan mentah di satu tempat. Jadi, saya terpaksa membeli bahan-bahan ini di setiap kedai yang ada. Tidak ada satu kedai yang boleh saya beli. Jadi, saya terpaksa pergi ke kedai hilir Chaah kadang-kadang saya pergi ke Ayer Hitam untuk mendapatkan stok kentang untuk menghasilkan karipap. Di situ saya boleh mendapatkan harga murah. Daripada situ jugalah saya kadang-kadang lihat orang kata harga yang boleh saya bandingkan untuk mengurangkan lagi modal perniagaan saya untuk industri penyejuk bekuan makanan ini.

**NB: Bagaimakah proses industri perniagaan ini berlaku di dalam kawasan Puan?**

FAB: Proses ini berlaku sebenarnya di rumah sahaja, di mana kadang-kadang orang kampung, jiran atau pun rakan-rakan saya yang ingin mendapatkan bekalan makanan ini mereka hanya datang ke rumah sahaja untuk mendapatkan kuih-muih yang dia orang nak [hendak]. Tapi [tetapi] kadang-kadang ada juga saya menghantar dari rumah ke rumah di mana kalau pelanggan ingin mendapatkan lebih sedikit bekalan tersebut, saya bersama suami saya menghantar bekalan itu menggunakan kereta. Kerana bagi saya pelanggan saya merupakan utama saya dalam industri ini, supaya mereka tidak kecewa atau pun lari dari membeli di rumah saya. So [jadi], daripada situ (sedang berfikir) saya

mudah untuk membekalkan bekalan kuih-muih ini kepada rakan-rakan saya kerana ada (bunyi angin) sesetengah mereka faham dengan situasi saya. Kadang-kadang mereka datang minta bekalan tu [itu] ke rumah, kadang-kadang kami menghantar. Ada sesetengah juga kami (sedang berfikir) membeli atau pun menghasilkan bekalan itu terus ke rumah lain.

**Wawancara saya, Nadia binti Baharin bersama Puan Fadilon binti Abu Bakar berhenti seketika.**

AH: Wawancara saya Abdul Harith bin Ismail bersama dengan Puan Fadilon binti Abu Bakar disambung semula.

**AH: Adakah industri penyejuk bekuan ini mendapat sambutan dalam kalangan penduduk?**

FAB: Oh, industri penyejuk bekuan ini mendapat sambutan dalam kalangan penduduk yang amat memberangsangkan. Mereka yang terdiri daripada jiran-jiran, kawan-kawan serta penduduk yang berada di mukim Chaah telah memberi sambutan yang amat baik kepada industri ini kerana mereka juga amat meminati dengan kuih-muih tradisional di dalam penyejuk dalam segi penyejuk bekuan. Jadi saya tiada masalah untuk dari segi sambutan proses jual beli penyejuk industri penyejuk bekuan makanan ini. Saya juga mendapat sambutan dari kalangan guru-guru serta orang luar di daerah Chaah ini kerana mereka juga merupakan *supplier* [pembekal] kepada orang lain. Mereka mengambil untung selepas membeli penyejuk makanan penyejuk bekuan ini daripada saya dan mereka juga menganggap ini merupakan satu sumber pendapatan tambahan mereka untuk (mengel) menyara keluarga mereka serta menambahkan sedikit wang saku mereka. Jadi bagi saya, industri ini memang mendapat sambut dari masa ke semasa, kerana kesemua penduduk ataupun dari kalan!

orang muda, tua amat memberi satu (1) galakan ataupun sokongan kepada saya serta kaum-kaum wanita yang telah mencemburi [menceburi] industri penyejuk bekuan makanan ini.

**AH: Soalan seterusnya, bolehkah puan jelaskan sedikit golongan yang terlibat dalam industri penyejuk bekuan ini?**

FAB: Oh, golongan yang terlibat dalam industri ini selalunya terdiri daripada suri rumah dan golongan yang berpen [berpendapatan] berpendapatan rendah, mereka juga seperti saya untuk menambah pendapatan sampingan di samping minat yang mendalam. Bagi mereka, penjualan ataupun industri penyejuk bekuan makanan ini merupakan satu kaedah ataupun orang kata cara yang amat baik untuk penduduk atau golongan seperti kami menambah sedik wang saku untuk menyara hidup kami. Selain itu, kami juga golongan wanita cuba mengem mengembangkan atau membangunkan industri makanan penyejuk bekuan ini sebagai satu industri yang amat penting di mukim Chaah ini kerana mukim Chaah tidak mempunyai sebarang industri yang amat positif ataupun agresif untuk kita terkenal di kalangan dalam negeri Johor. Jadi kami rasa, dengan adanya industri penyejuk bekuan makanan ini, kami akan dapat membangunkan nama mukim Chaah di dalam negeri Johor kerana industri makanan penyejuk bekuan ini seperti kuih karipap, donut, wadeh amat mendapat galakan ataupun orang kata rangsangan dari semua pihak, dan kami juga dapat menambah sedikit pendapatan untuk menyara hidup kami yang berada di Chaah ini kerana kami yang hidup di Chaah tidak maju ke depan seperti di daerah-daerah lain seperti daerah Johor Bharu, daerah Segamat. Kami hanya sebagai mukim biasa orang panggil pekan. Jadi dengan adanya industri ini, kami rasa kami boleh hidup dengan lebih baik dan Insya Allah dapat mengembangkan industri ini lebih daripada yang kami anggarkan seperti dapat menjadi supplier [pembekal] kepada orang dari luar daerah Chaah juga boleh dijadikan supplier [pembekal] kepada negeri lain dan sebagainya. Jadi saya rasa, golongan terlibat seperti kami Insya Allah tidak akan juga dipanggil sebagai golongan yang berpen berpe

berpendapatan rendah tatapi boleh juga dipanggil sebagai golongan bersederhana insya Allah satu hari nanti.

**AH: Kebiasaanmu, bagaimanakah perniagaan ini dijalankan? Maksud kami perjalanan jualan penyejuk bekuan makanan ini dilakukan?**

FAB: Buat masa sekarang ini, saya menghantar atau membekalkan makanan penyejuk bekuan ini dari rumah ke rumah kerana mudah bagi saya untuk membekalkan kepada pelanggan saya. Saya akan membekalkan makanan penyejuk bekuan ini apabila mendapat panggilan, mendapat mesej daripada pelanggan saya apabila mereka kehabisan stok di tempat mereka atau di rumah, di kedai dan sebagainya. Apabila mereka kehabisan, kadang-kadang mereka terus datang ke rumah saya untuk mendapatkan stok penyejuk bekuan makanan ini kerana saya lebih selesa menghantar ataupun memberi terus kepada mereka, kerana faktor tempoh (bunyi telefon, tahan ketawa) tahan lamanya penyejuk bekuan makanan ini serta lebih mudah saya berkomuni berkomunikasi dengan pelanggan saya. Oleh itu, mereka akan lebih selesa dan mempercayai atas kebolehan saya untuk menguruskan penyejuk bekuan makanan ini, industri ini maksud saya. Kerana mereka akan rasa mereka yakin dengan saya dan saya tidak mereka tidak akan orang kata macam (berfikir) macam tipu dengan apa industri yang saya lakukan. Jadi dengan ini, buat masa ini saya terus rumah ke rumahlah. Selepas ini insya Allah saya cuba untuk membuka satu (1) tempat (bunyi motor) ataupun memulakan alternatif lain untuk membekalkan stok penyejuk bekuan makanan ini.

**AH: Okay baik. Soalan seterusnya adakah terdapat tempat spesifikasi untuk jualan penyejuk bekuan makanan ini?**

FAB: Buat (orang berdehem) sementara ini, saya hanya menjalankan perniagaan ini di rumah sahaja. Insya Allah pada masa akan datang saya cuba untuk mendapatkan sebuah kedai kecil untuk mengembangkan perniagaan ini. Saya juga akan meminta kerjasama daripada rakan-rakan saya, jiran-jiran serta golongan-golongan yang amat mahir dalam industri ini untuk menambahkan modal dalam perniagaan ini kerana bagi saya industri ini boleh berkembang dengan majunya jika saya mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak ataupun sudut dengan industri penyejuk bekuan makanan ini kerana industri ini tidaklah terlalu susah kerana kami hanya menghasilkan kuih-muih tradisional selepas itu kami terus simpan ke tempat penyejuk bekuan ataupun dipanggil freezer (peti sejuk) muih itu bertahan lama. Jadi bagi saya, ini satu perniagaan atau usahawan yang tidak terlalu susah bagi seseorang untuk memulakan perniagaan ini. Jadi dengan adanya, kerjasama dari pelbagai pihak saya rasa mungkin kami akan dapat satu tempat yang spesifik untuk kami menjalankan perniagaan ini. Jadi, saya berharap perniagaan ini, tidak akan berlaku lagi di rumah saya pada masa akan datang tetapi di sebuah kedai yang boleh dijadikan tempat (bunyi motor) kami berniaga serta mengembangkan industri ini. Kemungkinan juga (bunyi kereta) pada di ketika itu kami juga boleh menyalurkan maklumat tentang industri penyejuk bekuan makanan ini kepada orang lain, kepada pelajar seperti anda ataupun boleh juga memberi nasihat kepada golongan yang baru mencemburui [menceburi] industri ini. Insya Allah saya harapkan itu daripada orang-orang lain ataupun organisasi yang boleh menyalurkan sedikit modal untuk kami mendapatkan sedikit satu tempat yang boleh dijadikan industri ini berkembang dengan maju.

**AH: Okay baik puan. Soalan seterusnya, apakah terdapat sebarang perancangan penduduk Chaah di masa akan datang tentang perniagaan industri penyejuk bekuan ini?**

FAB: Perancangan penduduk Chaah tentang perniagaan industri ini memang ada kerana perancangan kami ialah untuk menubuhkan satu gerai di pasar tani bagi menjual dan membekalkan makanan penyejuk bekuan ini. Kami juga cuba untuk mendapatkan tapak jualan terus di pasar-pasar malam, di bazaar ramadhan yang sekarang ini akan diadakan untuk sempena bulan ramadhan. Kami juga cuba untuk mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan untuk kami mencemburui [mencebur] menjual ataupun menyalurkan, membekalkan makanan ini ataupun industri ini di dalam kala karnival-karnival yang boleh kami (berfikir) yang boleh kami orang kata termasuk dalam karnival itu. Kerana bagi saya, bila kita ataupun kami yang menjual atau membekalkan makanan ini di sesbuah karnival ataupun majlis, Insya Allah orang akan lebih tahu ataupun lebih mengenali mukim Chaah dengan adanya industri ini. Bagi saya ataupun golongan-golongan seperti kami ini yang terlibat dalam industri ini amat terfikir ataupun merancang yang kami harus mengembangkan industri ini di sudut lain juga seperti membuat satu orang kata program tentang industri penyejuk bekuan makanan ini dan kami juga cuba untuk mendapat kelulusan dari Asas Tani dengan gerai yang kami cuba usahakan. Dan saya juga (berfikir) merancang untuk menjadi salah satu usahawan yang berjaya di mukim Chaah dengan adanya industri penyejuk bekuan makanan ini kerana sekarang saya telah mempunyai sebanyak dua freezer [peti ais] ataupun orang panggil penyejuk bekuan untuk menyimpan stok kuih-muih tradisional ini. Dan sekarang saya juga telah mempunyai satu mesin orang kata uli tepung satu mesin uli tepung, dan sekarang kebanyakan golongan-golongan ataupun jiran-jiran saya yang telah membantu saya menghasilkan kuih donut, wadeh telah menghantar [dihantar] kepada saya untuk dijadikan tempat penyimpanan stok kami semua. Itu perancangan yang kami rancangkan untuk masa akan datang supaya kami juga menarik golongan-golongan muda untuk sekali termasuk dalam industri ini.

**AH: Okay puan soalan yang terakhir, adakah puan ingin memperluaskan perniagaan penyejuk bekuan ini di kawasan luar?**

FAB: Perancangan itu memang ada kerana saya memang terlalu orang kata ingin luaskan perniagaan saya ini di kawasan luar kerana bagi saya kalau hanya setakat di Chaah sahaja, pendapatan kemungkinan hanya orang kata setaraf sahaja, tetapi insya Allah kalau kita cuba untuk membekalkan di kawasan luar, pendapatan itu semakin bertambah dan saya juga akan dapat sokongan ataupun penambahan dari segi golongan-golongan yang ingin ceberui [ceburi] dalam industri ini. Contohnya sekarang, sedara-sedara [saudara-saudara] saya yang tinggal di kawasan lain juga telah membantu saya dengan membeli sedikit stok penyejuk bekuan makanan ini dan mereka telah cuba untuk memperkenalkan kepada orang lain. Apabila orang lain tahu tentang industri ini di Chaah, mereka secara orang panggil amnya akan terus datang ke Chaah, mereka juga akan cuba akan memperkatakan industri ini kepada orang lain. Jadi bagi saya, untuk meluaskan perniagaan ini di kawasan luar (buni kereta) amat penting kerana setiap perniagaan pun memang akan ada asas yang mengatakan perniagaan bukan hanya satu tempat tetapi harus berkembang di kawasan luar. Jadi soal saya dan suami saya juga pernah berbincang tentang hal ini, dan kami cuba untuk mendapatkan sokongan daripada bukan setakat hanya sedara [saudara], jiran, kawan tetapi kami cuba untuk mendapatkan daripada sokongan dari dalam kalangan orang-orang yang berpendidikan, orang yang orang kata seperti anda pelajar, kami juga boleh guna anda sebagai satu medium untuk memperkembangkan industri ini. Contohnya bila, anda sudah tahu saya sudah memperluaskan ataupun telah ada industri penyejuk bekuan makanan ini, mungkin anda boleh bercerita [menceritakan] kepada kawan-kawan anda, bahawa di Chaah terdapat industri penyejuk bekuan makanan ini. Jadi saya rasa, dengan adanya semua medium-medium ini insyaAllah industri penyejuk bekuan makanan ini di mukim Chaah ini akan terus berkembang dan mungkin terkenal di Malaysia satu hari nanti. Itu orang kata [menurut kata mereka] saya punya harapan [harapan saya] bukan setakat harapan untuk berniaga di kawasan luar tetapi harapan saya dalam diri untuk memperkenalkan industri ini di Malaysia insya Allah mungkin di Antarabangsa.

AH: Wawancara saya Abdul Harith bersama dengan Puan Fadilon binti Abu Bakar tamat.

# LOG WAWANCARA

## LOG WAWANCARA

### SEGMENT A

TIME	SUBJECT	SIGNIFICANT NAMES OR TERMS
00:01:25	Pengasas pertama Chaah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Haji Yunus</li> </ul>
00:01:43	Chaah mula dibangunkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pada tahun 1952</li> </ul>
00:01:55	Nama Chaah diadaptasi sebagai nama sebuah tempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peremuan antara tiga sungai</li> <li>Nama yang di ubah suai daripada bahasa cina ke bahasa melayu.</li> </ul>
00:02:41	Lagenda sejarah nama Chaah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gadis asli yang bernama Che Ah</li> <li>Dua orang Panglima asli yang berebut kasih.</li> <li>Lagenda pertemuan antara dua sungai iaitu Sungai Bekok dan Sungai Chaah</li> </ul>

00:04:24	Senarai nama-nama kampung yang terdapat di Chaah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Melayu, Kampung Jawa, Kampung Kangkar, Kampung Sungai Lenik, Kampung Seri Gajah.</li> <li>• Kampung Jawa Baru, Kampung Desa Temu Jodoh,</li> </ul>
00:06:40	Nama-nama sejarah kampung di Chaah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil daripada kebijaksanaan Tuan Haji Penghulu Haji Yunus.</li> <li>• Ladang Soffin cuba mengambil alih semua tanah-tanah di persekitaran Chaah untuk dijadikan ladang.</li> <li>• Sejarah Kampung Jawa, Kampung Kangkar, Kampung Seri Gajah.</li> </ul>
00:11:11	Chaah dibuka disebabkan faktor penghijrahan penduduk atau kedatangan kaum lain dari negara lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesan pelabur asing daripada Perancis iaitu Sofin</li> <li>• Mengambil pekerja daripada luar dan daripada dalam untuk bekerja.</li> </ul>

